A

MOHAMAD AMIN SHAHUL HAMID lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUANTAN
MOHD RADZI HARUN H
[RAYUAN JENAYAH NO: CA-42(R)(A)-3-03-2022]
30 SEPTEMBER 2025

B

Abstrak – *(i) Sabitan bawah ss. 16(a)(B) dan 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('ASPRM') adalah selamat sekiranya pihak pendakwaan berjaya membuktikan melalui keterangan saksi, rakaman perbualan, dan bukti fizikal (seperti wang bertanda) bahawa terdapat siri perbuatan meminta dan menerima suapan sebagai dorongan untuk menyalahgunakan kedudukan rasmi; (ii) Apabila pihak pendakwaan berjaya membuktikan bahawa suapan telah diminta dan diperoleh, anggapan undang-undang bawah s. 50(1) ASPRM akan terpakai secara automatik. Beban pembuktian kemudiannya berpindah kepada tertuduh untuk menyangkal anggapan tersebut atas imbangan kebarangkalian; kegagalan berbuat demikian akan mengekalkan anggapan bahawa suapan itu diterima secara rasuah.*

C

D

E

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kesalahan – Meminta dan memperoleh suapan – Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('ASPRM'), ss. 16(a)(B) & 17(a) – Tertuduh seorang Majistret dituduh meminta dan memperoleh suapan daripada pengadu yang menghadapi pertuduhan di hadapannya – Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan inti pati pertuduhan – Sama ada anggapan bawah s. 50(1) ASPRM terpakai – Sama ada tertuduh berjaya menyangkal anggapan*

F

Perayu, seorang Majistret, dituduh dengan enam pertuduhan di Mahkamah Sesyen, bawah ss. 16(a)(B) dan 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('ASPRM') kerana meminta dan memperoleh suapan daripada pengadu ('SP15') yang menghadapi pertuduhan bawah s. 135(1)(d) Akta Kastam 1967 di hadapan perayu. Pertuduhan melibatkan permintaan wang sebanyak RM100,000 pada 5 Julai 2019 dan penerimaan wang suapan pada pelbagai tarikh berjumlah RM110,000. Mahkamah Sesyen mensabitkan perayu atas semua pertuduhan dan menjatuhkan hukuman penjara dan denda. Perayu merayu ke Mahkamah Tinggi dengan membangkitkan isu-isu rayuan berikut: (i) pihak pendakwaan gagal membuktikan inti pati pertuduhan; (ii) motif SP15 adalah untuk memfitnah perayu; (iii) keterangan anak pengadu ('SP12') hendaklah ditolak kerana berasaskan maklumat daripada SP15; (iv) pihak pendakwaan gagal membuktikan wang perangkap dirampas daripada perayu; (v) pihak pendakwaan gagal mengemukakan rakaman

G

H

I

CCTV hari kejadian; (vi) pihak pendakwaan gagal menunjukkan rantaian keterangan berkenaan percakapan telefon pada 22 Oktober 2019; (vii) pihak pendakwaan gagal membuktikan siapa yang menyediakan senarai wang bertanda ('P7'); (viii) percanggahan serius tentang waktu sebenar wang bertanda diserahkan dan diterima oleh SP15; (ix) pihak pendakwaan gagal membuktikan bahawa wang yang dirampas adalah dalam milikan perayu; (x) perayu tidak pernah berhubungan dengan SP15; (xi) pembelaan perayu bukan penafian kosong; (xii) perayu dipukul semasa dalam tahanan SPRM; dan (xiii) perayu berjaya menyangkal anggapan bawah s. 50 ASPRM.

Diputuskan (menolak rayuan dan mengekalkan sabitan dan hukuman):

(1) Perayu telah menerima wang suapan RM25,000 pada 22 Oktober 2019 daripada SP15 dengan cara meyakinkan dan menakut-nakutkan SP15, yang adalah satu perbuatan memperoleh. Keterangan saksi-saksi berkenaan pertuduhan ini juga disokong oleh rakaman perbualan dan transkrip. (perenggan 11(iv))

(2) Perayu adalah Majistret yang telah pun mengadili kes yang dipertuduhkan ke atas SP15. Perayu sendiri yang meminta dan memperoleh wang suapan daripada SP15 dengan menyalahgunakan kedudukannya sebagai pegawai badan awam dan sebagai ejen Kerajaan Malaysia. Keterangan jelas menunjukkan bagaimana perayu meminta dan menerima suapan sebagai dorongan untuk perayu tidak mengenakan hukuman penjara terhadap SP15 dan hanya mengenakan denda pada SP15. Dorongan dan niat perayu tidak pernah terputus, bermula dari 5 Julai 2019 hingga 22 Oktober 2019. Siri perbuatan dan kelakuan perayu yang dicemari niat jahat ini tidak pernah terputus. (perenggan 11(v))

(3) Apabila HMS memutuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan tanpa apa-apa keraguan munasabah bahawa perayu telah meminta suapan dan memperoleh suapan seperti dalam pertuduhan, HMS telah membuat keputusan yang betul apabila seterusnya memutuskan untuk mengguna pakai anggapan bawah s. 50(1) ASPRM atas perayu. Sejajar dengan itu, perayu dianggap secara rasuah meminta dan menerima suapan. Perayu gagal menyangkal anggapan bawah s. 50(1) ASPRM. (perenggan 11(vi))

(4) Atas arahan SP8, wang perangkap, iaitu 250 keping 'note' RM100 bertanda ('P8C') diserahkan oleh SP4 kepada SP15 dengan disaksikan oleh SP7 semasa taklimat perangkap yang dibuat di rumah SP15. Wang perangkap itu diletakkan di dalam beg kertas bertanda biru bertulis 'VIVO' ('P6A'). ID6 berisi P8C yang mempunyai nombor bersiri yang sama dengan yang tercatat dalam P7 yang diserahkan oleh SP15 kepada perayu. (perenggan 11(vi))

(5) Pihak pendakwaan tidak perlu memanggil semua saksi yang menjaga P8A dan P6A kerana SP4 telah mengecamkan wang RM25,000 melalui nombor-nombor siri yang tercatit pada P7. Wang ini juga yang dirampas daripada milikan perayu pada 22 Oktober 2019. Selain itu, keterangan SP13 yang membuat perbandingan wang yang dikemukakan di mahkamah dengan P7 juga menyokong keterangan SP4. (perenggan 11(viii))

(6) Pihak pendakwaan berjaya membuktikan rantaian keterangan tentang rakaman perbualan telefon antara pengadu dan SP15 pada jam 1.10 petang pada 22 Oktober 2019 dan pihak pendakwaan berjaya membuktikan bahawa segala panggilan dan komunikasi antara perayu dan SP15 adalah betul. (perenggan 12)

(7) SP12 tahu tentang keterlibatan perayu dalam pertuduhan pertama hingga keempat bukan berdasarkan apa yang diberitahu oleh ayahnya, SP15, tetapi melalui pengetahuan peribadi SP12, khususnya yang berurusan secara terus dengan perayu dalam banyak situasi. (perenggan 11(xiii))

(8) Ketiadaan keterangan lanjut tentang CCTV, termasuklah rakaman CCTV itu yang tidak dikemukakan pada mahkamah tidak sama sekali memudaratkan kes pihak pendakwaan. Jika rakaman CCTV ini dikemukakan dan diterima sebagai keterangan oleh mahkamah, ini hanyalah satu keterangan sokongan semata-mata. Oleh kerana pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan-keterangan utama dan bukan sekunder dalam membuktikan pertuduhan terhadap perayu, ketiadaan rakaman CCTV itu tidak langsung mendatangkan apa-apa kesan negatif pada kes pihak pendakwaan. (perenggan 11(xvi))

(9) Hukuman yang dijatuhkan oleh HMS terhadap perayu adalah adil dan saksama, memadai dan tidak keterlaluan, malah sejajar dengan kehendak ASPRM. Rayuan perayu bagi hukuman ditolak. Hukuman yang dijatuhkan oleh HMS dikekalkan. (perenggan 20)

Kes-kes yang dirujuk:

Attan Abdul Gani v. PP [1969] CLJU 12; [1969] 1 LNS 12 HC ***(dirujuk)***
Azahar Hj Abdul Aziz v. PP [2019] CLJU 2032; [2019] 1 LNS 2032 CA ***(dirujuk)***
Chai Tee Keiong v. PP [2013] CLJU 975; [2013] 1 LNS 975 CA ***(dirujuk)***
Chan Pean Leon v. PP [1956] CLJU 17; [1956] 1 LNS 17 HC ***(dirujuk)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2002] 3 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
Ganesan Nachiappan & Ors v. PP [2000] 3 CLJ 302 CA ***(dirujuk)***
Gooi Loo Seng v. PP [1993] 3 CLJ 1 SC ***(dirujuk)***
Hamidon Mat Yatim v. PP [1995] 3 CLJ 724 HC ***(dirujuk)***
Lee Ah Seng & Anor v. PP [2007] 5 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Lim Wee Kwang v. PP [2017] CLJU 1766; [2017] 1 LNS 1766 HC ***(dirujuk)***
Melinda Stevenson v. PP [2020] 6 CLJ 34 CA ***(dirujuk)***
Mohd Ali Jaafar v. PP [1998] 4 CLJ Supp 208 HC ***(dirujuk)***
PP v. Chee Kon Fatt [1991] 3 CLJ 2564; [1991] 3 CLJ (Rep) 513 HC ***(dirujuk)***

PP v. Dato' Waad Mansor [2005] 1 CLJ 421 FC ***(dirujuk)***
PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris (No 2) [1976] CLJU 184; [1976] 1 LNS 184 FC ***(dirujuk)***
PP v. Jamil Mahmod & Anor [1998] CLJU 312; [1998] 1 LNS 312 HC ***(dirujuk)***
PP v. Lee Eng Kooi [1993] 2 CLJ 534 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mansor Md Rashid & Anor [1997] 1 CLJ 233 FC ***(dirujuk)***
PP lwn. Mohd Asyraf Thiru Abdullah v. PP [2015] 5 CLJ 938 CA ***(dirujuk)***
PP lwn. Rahiman Selamat & Kes Yang Lain [2015] 3 CLJ 92 HC ***(dirujuk)***
PP v. Tan Hock Beng [2002] 3 CLJ 177 HC ***(dirujuk)***
PP v. You Kong Lai [1984] 1 CLJ 379; [1984] 2 CLJ (Rep) 429 HC ***(dirujuk)***
PP v. Yuvaraj [1968] CLJU 116; [1968] 1 LNS 116 PC ***(dirujuk)***
Ramly Md Yasin & Ors v. PP [1982] CLJ 200; [1982] CLJ (Rep) 724 HC ***(dirujuk)***
Sabarudin Non v. PP & Other Appeals [2005] 1 CLJ 466 CA ***(dirujuk)***
Sahari Masrom v. PP [2008] CLJU 584; [2008] 1 LNS 584 HC ***(dirujuk)***
Su Ah Ping v. PP [1979] CLJU 100; [1979] 1 LNS 100 FC ***(dirujuk)***
Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor v. PP [2001] 4 CLJ 9 CA ***(dirujuk)***
Teng Kum Seng v. PP [1960] CLJU 139; [1960] 1 LNS 139 HC ***(dirujuk)***
Tengku Mahmood v. PP [1974] CLJU 176; [1974] 1 LNS 176 HC ***(dirujuk)***
Thavanathan Balasubramaniam v. PP [1997] 3 CLJ 150 FC ***(dirujuk)***
Wong Soon Choon v. PP [2016] 2 CLJ 807 CA ***(dirujuk)***
Yusri Pialmi v. PP [2010] 6 CLJ 878 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Anti-Corruption Act 1997, s. 44(1)(a)
Criminal Procedure Code, ss. 152, 153, 154, 156
Evidence Act 1950, ss. 90A, 114(g)
Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, ss. 16(A), (B), 17(a), 50(1), 52
Penal Code, s. 165

Bagi pihak plaintif - T/n R Nethaji Rayer & Co
Bagi pihak pendakwaan - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Dilaporkan oleh Lina E

PENGHAKIMAN

Mohd Radzi Harun H:

Mukadimah

[1] Di Mahkamah Sesyen Kuantan, Mohamad Amin bin Shahul Hamid ("perayu") pada asalnya telah dituduh dengan sembilan pertuduhan utama masing-masingnya di bawah s. 16(A)(B) dan s. 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("ASPRM"), dan sembilan pertuduhan pilihan, masing-masingnya di bawah s. 16(A)(B) ASPRM dan s. 165 Kanun Keseksaan bagi kes CA-61R-19-12-2019, CA-61R-20-12-2019 dan CA-61R-21-12-2019. Pihak pendakwaan telah memutuskan untuk menggugurkan semua pertuduhan terhadap perayu bagi kes CA-61R-21-12-2019.

[2] Selepas selesai perbicaraan, Hakim Mahkamah Sesyen ("HMS") telah mensabitkan perayu bagi semua pertuduhan terhadapnya bagi kes CA-61R-19-12-2019, CA-61R-20-12-2019, dan sekarang merayu ke mahkamah ini.

[3] Mahkamah ini telah memutuskan untuk menolak semua rayuan perayu dan mengekalkan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh HMS atas alasan seperti dinyatakan dalam alasan penghakiman ini.

[4] Alasan penghakiman ini terpakai kepada kedua-dua rayuan.

Latar Belakang

[5] Pada waktu dan tarikh kejadian, perayu adalah seorang Majistret di Mahkamah Majistret Raub, Pahang.

[6] Perayu telah dituduh dengan pertuduhan-pertuduhan berikut:

No. Kes. CA-61R-19-12/2019

P	PERTUDUHAN UTAMA	PERTUDUHAN PILIHAN
P1	Bahawa kamu, pada **5 Julai 2019**, di PT 644, RPSB Jalan Besar, Kuala Medang, dalam Daerah Raub,dalam Negeri Pahang Darul Makmur, sebagai seorang ejen Kerajaan Malaysia, iaitu seorang Majistret di Mahkamah Sesyen dan Majistret Raub, telah secara rasuah **meminta** untuk diri kamu suatu suapan iaitu wang sebanyak **RM100,000** daripada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo sebagai dorongan untuk kamu, sebagai seorang pegawai badan awam iaitu Majistret di Mahkamah Majistret Kuala Lipis untuk mengenakan hukuman denda dan untuk tidak mengenakan hukuman penjara kepada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo yang dituduh di hadapan kamu selaku Majistret atas kesalahan di bawah seksyen 135 (1)(d) Akta Kastam 1967	Bahawa kamu, pada **5 Julai 2019**, di PT 644, RPSB Jalan Besar, Kuala Medang, dalam Daerah Raub, dalam Negeri Pahang Darul Makmur, sebagai seorang ejen Kerajaan Malaysia, iaitu seorang Majistret di Mahkamah Sesyen dan Majistret Raub, telah secara rasuah **menyetuju terima** untuk diri kamu suatu suapan iaitu wang sebanyak **RM100,000** daripada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo sebagai dorongan untuk kamu, sebagai seorang pegawai badan awam iaitu Majistret di Mahkamah Majistret Kuala Lipis untuk mengenakan hukuman denda dan untuk tidak mengenakan hukuman penjara kepada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo yang dituduh di hadapan kamu selaku Majistret atas

	kerana telah didapati memiliki barang yang dilarang impot iaitu Rokok Kretek dan Rokok Putih yang bernilai RM6,613.20 dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah **seksyen 16 (a)(B) ASPRM 2009** dan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.	kesalahan di bawah seksyen 135 (1)(d) Akta Kastam 1967 kerana telah didapati memiliki barang yang dilarang impot iaitu Rokok Kretek dan Rokok Putih yang bernilai RM6,613.20 dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah **seksyen 16 (a)(B) ASPRM 2009** dan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.
P2	Bahawa kamu, pada **9 Julai 2019**,antara jam lebih kurang 7.00 petang hingga 8.00 malam, bertempat di parkir kereta Taman Bukit Koman, dalam Daerah Raub, dalam Negeri Pahang Darul Makmur, sebagai seorang ejen Kerajaan Malaysia, iaitu seorang Majistret di Mahkamah Sesyen dan Majistret Raub, telah secara rasuah **memperoleh** suatu suapan untuk diri kamu, iaitu wang tunai sebanyak **RM25,000** daripada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo sebagai dorongan untuk melakukan suatu perbuatan berhubungan dengan urusan hal ehwal prinsipal kamu, iaitu untuk mengenakan hukuman denda dan tidak mengenakan hukuman penjara kepada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo yang dituduh di hadapan kamu selaku Majistret di Mahkamah Majistret Kuala Lipis atas kesalahan di bawah seksyen 135 (1)(d) Akta Kastam 1967 kerana telah didapati memiliki barang yang dilarang impot iaitu Rokok Kretek dan Rokok Putih yang bernilai RM6,613.20 dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah **seksyen 17 (a) ASPRM 2009** dan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.	Bahawa kamu, **pada 9 Julai 2019**, antara jam lebih kurang 7.00 petang hingga 8.00 malam, bertempat di parkir kereta Taman Bukit Koman, dalam Daerah Raub, dalam Negeri Pahang Darul Makmur, sebagai seorang penjawat awam iaitu seorang Majistret di Mahkamah Sesyen dan Majistret Raub, telah mendapatkan untuk diri kamu suatu benda yang berharga dengan tiada balasan iaitu wang tunai berjumlah **RM25,000** daripada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo, yang mana kamu ketahui ada hubungan dengan tugas rasmi kamu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah **Seksyen 165 Kanun Keseksaan.**

P3	Bahawa kamu, pada **14 Ogos 2019**, antara jam lebih kurang 6.30 petang hingga 8.00 malam, bertempat di parkir kereta Taman Bukit Koman, dalam Daerah Raub, dalam Negeri Pahang Darul Makmur, sebagai seorang ejen Kerajaan Malaysia, iaitu seorang Majistret di Mahkamah Sesyen dan Majistret Raub, telah secara rasuah **memperoleh** suatu suapan untuk diri kamu, iaitu wang tunai sebanyak **RM25,000** daripada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo sebagai dorongan untuk melakukan suatu perbuatan berhubungan dengan urusan hal ehwal prinsipal kamu, iaitu untuk mengenakan hukuman denda dan tidak mengenakan hukuman penjara kepada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo yang dituduh di hadapan kamu selaku Majistret di Mahkamah Majistret Kuala Lipis atas kesalahan di bawah seksyen 135 (1) (d) Akta Kastam 1967 kerana telah didapati memiliki barang yang dilarang impot iaitu Rokok Kretek dan Rokok Putih yang bernilai RM6,613.20 dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah **seksyen 17 (a) ASPRM 2009** dan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.	Bahawa kamu, pada **14 Ogos 2019**, antara jam lebih kurang 6.30 petang hingga 8.00 malam, bertempat di parkir kereta Taman Bukit Koman, dalam Daerah Raub, dalam Negeri Pahang Darul Makmur, sebagai seorang penjawat awam iaitu seorang Majistret di Mahkamah Sesyen dan Majistret Raub, telah mendapatkan untuk diri kamu suatu benda yang berharga dengan tiada balasan iaitu wang tunai berjumlah **RM25,000** daripada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo, yang mana kamu ketahui ada hubungan dengan tugas rasmi kamu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah **Seksyen 165 Kanun Keseksaan.**

No. Kes. CA-61R-20-12/2019

P	PERTUDUHAN UTAMA	PERTUDUHAN PILIHAN
P4	Bahawa kamu, pada **15 Ogos 2019**, antara jam lebih kurang 7.00 hingga 7.30 malam, bertempat di Hadapan Kedai	Bahawa kamu, pada **15 Ogos 2019**, antara jam lebih kurang 7.00 hingga 7.30 malam, bertempat di Hadapan

	Runcit Hasyuli Enterprise, No 5,Kawasan Perniagaan Felda Sungai Koyan, dalam Daerah Raub, dalam Negeri Pahang Darul Makmur,sebagai seorang ejen Kerajaan Malaysia, iaitu seorang Majistret di Mahkamah Sesyen dan Majistret Raub, telah secara rasuah **memperoleh** suatu suapan untuk diri kamu, iaitu wang tunai sebanyak **RM25,000** daripada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo sebagai dorongan untuk melakukan suatu perbuatan berhubungan dengan urusan hal ehwal prinsipal kamu, iaitu untuk mengenakan hukuman denda dan tidak mengenakan hukuman penjara kepada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo yang dituduh di hadapan kamu selaku Majistret di Mahkamah Majistret Kuala Lipis atas kesalahan di bawah seksyen 135 (1) (d) Akta Kastam 1967 kerana telah didapati memiliki barang yang dilarang impot iaitu Rokok Kretek dan Rokok Putih yang bernilai RM6,613.20 dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah **seksyen 17 (a) ASPRM 2009** dan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.	Kedai Runcit Hasyuli Enterprise, No 5, Kawasan Perniagaan Felda Sungai Koyan, dalam Daerah Raub, dalam Negeri Pahang Darul Makmur, sebagai seorang penjawat awam iaitu seorang Majistret di Mahkamah Sesyen dan Majistret Raub, telah mendapatkan untuk diri kamu suatu benda yang berharga dengan tiada balasan iaitu wang tunai berjumlah **RM25,000** daripada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo, yang mana kamu ketahui ada hubungan dengan tugas rasmi kamu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah **Seksyen 165 Kanun Keseksaan.**
P5	Bahawa kamu, pada **26 September 2019**, antara jam lebih kurang 6.30 petang hingga 7.30 malam, bertempat di Hadapan Kedai Runcit Hasyuli Enterprise,No 5,Kawasan Perniagaan Felda Sungai Koyan, dalam Daerah Raub, dalam Negeri Pahang Darul Makmur, sebagai seorang ejen Kerajaan Malaysia, iaitu seorang Majistret di Mahkamah Sesyen dan Majistret Raub, telah secara rasuah **memperoleh** suatu suapan untuk diri kamu, iaitu wang tunai sebanyak **RM10,000** daripada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo sebagai dorongan untuk melakukan suatu	Bahawa kamu, **pada 26 September 2019**, antara jam lebih kurang 6.30 petang hingga 7.30 malam, bertempat di Hadapan Kedai Runcit Hasyuli Enterprise, No 5, Kawasan Perniagaan Felda Sungai Koyan, dalam Daerah Raub, dalam Negeri Pahang Darul Makmur, sebagai seorang penjawat awam iaitu seorang Majistret di Mahkamah Sesyen dan Majistret Raub, telah mendapatkan untuk diri kamu suatu benda yang berharga dengan tiada balasan iaitu wang tunai berjumlah **RM10,000** daripada Hasan Basri bin Ahmad

	perbuatan berhubungan dengan urusan hal ehwal prinsipal kamu, iaitu untuk mengenakan hukuman denda dan tidak mengenakan hukuman penjara kepada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo yang dituduh di hadapan kamu selaku Majistret di Mahkamah Majistret Kuala Lipis atas kesalahan di bawah seksyen 135 (1)(d) Akta Kastam 1967 kerana telah didapati memiliki barang yang dilarang impot iaitu Rokok Kretek dan Rokok Putih yang bernilai RM6,613.20 dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah **seksyen 17 (a) ASPRM 2009** dan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.	Sutan Modo, yang mana kamu ketahui ada hubungan dengan tugas rasmi kamu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah **Seksyen 165 Kanun Keseksaan.**
P6	Bahawa kamu, pada **22 Oktober 2019**, antara jam lebih kurang 6.00 petang hingga 7.00 malam, bertempat di Hadapan Kedai Runcit Hasyuli Enterprise, No 5, Kawasan Perniagaan Felda Sungai Koyan, dalam Daerah Raub, dalam Negeri Pahang Darul Makmur, sebagai seorang ejen Kerajaan Malaysia, iaitu seorang Majistret di Mahkamah Sesyen dan Majistret Raub, telah secara rasuah **memperoleh** suatu suapan untuk diri kamu, iaitu wang tunai sebanyak **RM25,000** daripada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo sebagai dorongan untuk melakukan suatu perbuatan berhubungan dengan urusan hal ehwal prinsipal kamu, iaitu untuk mengenakan hukuman denda dan tidak mengenakan hukuman penjara kepada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo yang dituduh di hadapan kamu selaku Majistret di Mahkamah Majistret Kuala Lipis atas kesalahan di bawah seksyen 135 (1)(d) Akta Kastam 1967 kerana telah didapati memiliki barang yang dilarang impot iaitu Rokok Kretek dan Rokok Putih yang bernilai RM6,613.20	Bahawa kamu, **pada 22 Oktober 2019**, antara jam lebih kurang 6.00 petang hingga 7.00 malam, bertempat di Hadapan Kedai Runcit Hasyuli Enterprise, No 5, Kawasan Perniagaan Felda Sungai Koyan, dalam Daerah Raub, dalam Negeri Pahang Darul Makmur, sebagai seorang penjawat awam iaitu seorang Majistret di Mahkamah Sesyen dan Majistret Raub, telah mendapatkan untuk diri kamu suatu benda yang berharga dengan tiada balasan iaitu wang tunai berjumlah **RM25,000** daripada Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo, yang mana kamu ketahui ada hubungan dengan tugas rasmi kamu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah **Seksyen 165 Kanun Keseksaan.**

	dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah **seksyen 17 (a) ASPRM 2009** dan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.	

[7] 15 saksi pihak pendakwaan yang memberi keterangan semasa kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

No.	Saksi
SP1	Dato' Faridz Gohim bin Abdullah (Pengarah Pendakwaan Negeri Pahang)
SP2	Mohd Azhar bin Bab (Pegawai Telco Maxis)
SP3	Normas Julia binti Abdul Rahim (Pegawai Telco Celcom)
SP4	Ahmad Bohari bin Baharoan (Pegawai SPRM – Rakaman suara)
SP5	Nadzirah binti Zahari (Pegawai SPRM – Transkripsi)
SP6	Phulrani Kaur a/p Gurharon Singh Timbalan Pendakwa Raya
SP7	Fakruruzi bin Mustafa (Pegawai SPRM – Penulis Aduan)
SP8	Muhd Rohaizi bin Che Cob (Pegawai SPRM – Ketua Perangkap)
SP9	Syaripah binti Embong (Mahkamah Kuala Lipis – Perjawatan)
SP10	Mohammad Fauzi bin Kamarazaman (Mahkamah Kuala Lipis – Jurubahasa)
SP11	Ahmad bin Sani (Mahkamah Kuala Lipis – Pembantu Tadbir)
SP12	Sandra Santti binti Hasan Basri (Jururawat – anak Pengadu SP15)
SP13	Arif bin Che Me (Pegawai Penyiasat)
SP14	Nasrul Fahmie bin Che Hussin (Pegawai SPRM – Pegawai Sita)
SP15	Hasan Basri bin Ahmad Sutan Modo (Pengadu)

[8] Apabila perayu dipanggil membela diri, hanya perayu tampil memberi keterangan bagi pihak pembelaan.

Alasan Rayuan Oleh Perayu

[9] Secara ringkasnya, perayu menyenaraikan 13 alasan rayuannya di hadapan mahkamah ini seperti berikut:

(i) isu pertama: pendakwaan gagal membuktikan inti pati pertuduhan;

(ii) isu kedua: motif pengadu (SP15) adalah untuk memfitnah perayu;

(iii) isu ketiga: keterangan anak pengadu (SP12) hendaklah ditolak kerana berasaskan maklumat daripada SP15;

(iv) isu keempat: pendakwaan gagal membuktikan wang perangkap dirampas daripada perayu;

(v) isu kelima: pendakwaan gagal mengemukakan rakaman CCTV hari kejadian;

(vi) isu keenam: pendakwaan gagal menunjukkan rantaian keterangan berkenaan rakaman percakapan telefon pada 22 Oktober 2019;

(vii) isu ketujuh: pendakwaan gagal membuktikan siapa yang menyediakan senarai wang bertanda (P7);

(viii) isu kelapan: percanggahan serius mengenai waktu sebenar wang bertanda diserahkan dan diterima oleh SP15;

(ix) isu kesembilan: pendakwaan gagal membuktikan wang yang dirampas adalah milik perayu;

(x) isu kesepuluh: perayu tidak pernah berhubung dengan SP15;

(xi) isu kesebelas: pembelaan perayu bukan penafian kosong;

(xii) isu kedua belas: perayu dipukul semasa dalam tahanan SPRM; dan

(xiii) isu ketiga belas: perayu berjaya menyangkal anggapan di bawah s. 50 ASPRM.

[10] Alasan-alasan rayuan pihak perayu tersebut secara terperinci adalah sebegini:

(i) isu pertama: kegagalan pihak pendakwaan membuktikan inti pati pertuduhan:

(a) perayu berhujah bahawa tiada keterangan lisan saksi-saksi pendakwaan yang merujuk kepada kejadian pada keenam-enam tarikh yang dinyatakan dalam pertuduhan terhadap perayu iaitu 5 Julai 2019, 9 Julai 2019, 14 Ogos 2019, 15 Ogos 2019, 26 September 2019 dan 22 Oktober 2019;

(b) perayu juga berhujah bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan sama ada melalui keterangan lisan atau keterangan dokumen bahawa perayu telah menerima sebarang wang tunai daripada SP15 di hadapan Kedai Runcit Hasyuli Enterpise, No. 5, kawasan Perniagaan Felda Sungai Koyan, Daerah Raub, Pahang pada 22 Oktober 2019;

(ii) isu kedua: motif pengadu (SP15) adalah untuk memfitnah perayu:

(a) perayu menyatakan niat sebenar SP15 adalah untuk memfitnah perayu. Ini dapat dilihat daripada keterangan SP15 semasa disoal balas oleh peguam perayu apabila SP15 mengaku bahawa beliau tidak berniat hendak membuat laporan mengenai perayu, tetapi SPRM yang meminta beliau membuat laporan. SPRM juga telah meminta SP15 bekerjasama dengan SPRM untuk memberi keterangan terhadap perayu;

(b) dalam keterangannya SP15 mengatakan:

S: Dalam keterangan ini kamu katakan sekali lagi "selepas saya berfikir saya kemudiannya bersetuju untuk membuat aduan kepada SPRM kerana waktu itu saya telah dituduh sekali lagi di Mahkamah atas kesalahan memiliki, menjual rokok seludup walaupun saya sudah tidak menjualnya lagi selepas saya ditangkap pada tahun 2018". Betul?

J: Betul.

S: Jadi keterangan ini tidak benarlah?

J: Selepas saya ditangkap memang saya tidak jual.

S: Tapi ketika ditanya oleh Tuan Timbalan Pendakwa Raya kelmarin kamu mengaku masih lagi menjalankan kerja menjual rokok haram. Betul tak?

J: Itu yang terbaru

S: Yang baru pula. Jadi berhenti seketika dan sambung balik, betul?

J: Betul.

(c) perayu berhujah bahawa keterangan di atas menunjukkan bahawa SP15 dengan aktif terlibat di dalam aktiviti jualan rokok seludup di kedai runcit SP15 dan HMS telah terkhilaf kerana menerima keterangan SP15, sedangkan kredibiliti SP15 sebagai saksi adalah sangat meragukan dan sukar dipercayai;

(d) perayu selanjutnya berhujah bahawa jika keterangan SP15 adalah benar bahawa:

(1) pada 4 Julai 2019, SP15 telah menerima panggilan daripada perayu untuk berjumpa dengan perayu di Restoran KFC Raub;

A (2) pada 5 Julai 2019, SP15 telah menelefon perayu dan meminta bantuan berhubung kes SP15 di Mahkamah Majistret Kuala Lipis;

(3) pada 9 Julai 2019, perayu meminta dan menerima wang pendahuluan sebanyak RM25,000 daripada SP15;

B (4) pada 12 Ogos 2019, perayu telah menelefon SP15 bagi meminta RM25,000 daripada SP15;

(5) pada 14 Ogos 2019, perayu meminta dan menerima wang daripada SP15;

C (6) pada 15 Ogos 2019, SP15 telah menyerahkan wang RM25,000 kepada perayu;

(7) pada 26 September 2019, SP15 telah memberikan wang sebanyak RM110,000 kepada perayu;

D (e) SP15 sepatutnya melaporkan perkara ini kepada pihak SPRM dengan serta-merta. Kelewatan SP15 membuat laporan kepada pihak SPRM sepatutnya mengundang satu inferens yang memihak kepada perayu. Kelewatan membuat laporan kepada pihak SPRM ini memudaratkan kes pendakwaan dan E menimbulkan suatu fikir semula (after-thought) oleh SP15. Perayu berhujah bahawa HMS terkhilaf kerana gagal menuruti keputusan kes *Lee Ah Seng & Anor v. PP* [2007] 5 CLJ 1 bahawa apabila berlaku keadaan sedemikan, mahkamah hendaklah menolak keterangan yang meragukan itu;

F (f) bukan setakat kelewatan membuat laporan, namun setelah SP15 membuat laporan SPRM, SP15 mengatakan perayu meminta RM100,000 daripadanya, namun semasa keterangannya di mahkamah, SP15 mengatakan perayu meminta wang sebanyak RM110,000 daripadanya;

G (g) mengenai perkara ini, perayu berhujah bahawa HMS terkhilaf kerana tidak mengikuti prinsip yang ditetapkan dalam keputusan kes *PP v. Lee Eng Kooi* [1993] 2 CLJ 534:

> If in a case the prosecution leads two sets of evidence, each one of which contradicts and strikes at the other and shows it to be unreliable, the result would necessarily be that the Court would be left with no reliable and trustworthy evidence upon which the conviction of the accused might be based. Inevitably, the accused would have the benefit of such a situation.

H

I (iii) isu ketiga: keterangan anak pengadu (SP12) hendaklah ditolak kerana berasaskan maklumat dari SP15:

(a) perayu berhujah bahawa HMS terkhilaf kerana menerima keterangan SP12, anak SP15. Ini kerana segala keterangan SP12 tidak boleh dipertimbangkan dan diambil kira oleh mahkamah kerana semasa disoal balas, SP12 telah mengakui bahawa kesemua keterangan yang diberikan oleh SP12 di dalam perbicaraan adalah berdasarkan kepada apa yang diberitahu oleh SP15 kepada SP12. Ini bermaksud bahawa SP12 tidak menyaksikan apa-apa perbuatan SP15 memberikan suapan atau wang kepada perayu ataupun apa-apa permintaan yang kononnya dibuat oleh perayu kepada SP15. Semasa disoal oleh peguambela perayu, SP12 telah bersetuju bahawa segala kejadian yang dinyatakan dalam keterangannya adalah diberitahu oleh ayahnya iaitu SP15:

S: Kamu hadir masa perbualan?
J: Saya tiada.

S: Cuma diberitahu sahajalah?
J: Ya, diberitahu oleh ayah

S: Betul atau tidak perbualan itu berlangsung kamupun tidak tahu. Betul atau tidak. Pada masa ayah berbual ada kamu berada disisi beliau, bersama-sama beliau. Betul atau tidak?
J: Tiada

S: Jadi adakah perbualan itu betul-betul berlangsung atau tidak kamu pun tidak tahu
J: Ya, tidak tahu

(b) keterangan-keterangan SP15 menunjukkan bahawa beliau mempunyai motif untuk memfitnah dan mengenakan perayu. SP15 juga menipu dan tidak bercakap benar apabila beliau menyatakan bahawa, beliau tidak lagi menjual rokok seludup sedangkan keterangan-keterangan jelas menunjukkan bahawa SP15 memang giat menjalankan aktiviti dan kegiatan menjual rokok yang diseludup secara berterusan tanpa berhenti;

(iv) isu keempat: pendakwaan gagal membuktikan wang perangkap dirampas daripada perayu:

(a) perayu berhujah bahawa HMS sekali lagi terkhilaf kerana gagal membuat keputusan untuk menolak keterangan pihak pendakwaan mengenai wang perangkap apabila keterangan ketika perbicaraan menunjukkan:

(1) senarai bongkar yang dikemukakan semasa peringkat pendakwaan iaitu eksh. P14 tidak menyatakan dengan jelas nombor-nombor siri wang perangkap secara terperinci;

A (2) P14, iaitu notis penyitaan yang disediakan oleh SP14, tidak mempunyai sebarang lampiran bagi menjelaskan lampiran senarai wang bertanda yang dirujuk oleh SP14 di dalam butiran-butiran notis penyitaan tersebut;

B (3) senarai wang perangkap yang disediakan oleh pihak SPRM juga tidak mengandungi sebarang tandatangan milik perayu untuk membuktikan bahawa wang perangkap yang disediakan oleh pihak SPRM telah dirampas daripada perayu;

C (4) tandatangan perayu hanya kelihatan di muka surat terakhir yang dikepilkan kepada senarai wang perangkap (P7). Ini sama sekali tidak membuktikan bahawa wang perangkap yang disediakan oleh pihak SPRM dirampas daripada milikan perayu;

D (5) walaupun SP14, pegawai serbuan dan yang menjalankan tangkapan terhadap perayu, memberi keterangan ada melihat perayu memegang sebuah beg, P6A, yang mengandungi wang, SP14 tidak menerangkan jumlah wang yang terkandung dalam P6A;

E (6) SP14 gagal memberikan keterangan mengenai denominasi wang yang dikatakan dirampas daripada P6A;

(7) wang yang dikatakan dirampas daripada P6A tidak disahkan mempunyai nombor siri yang sama dengan nombor siri wang dalam senarai wang perangkap yang disediakan oleh SPRM;

F (b) kegagalan HMS membuat dapatan yang memihak kepada perayu mengenai kegagalan pihak pendakwaan dalam semua perkara yang dibangkitkan di atas adalah suatu kekhilafan yang memerlukan campur tangan mahkamah ini kerana HMS jelas sekali telah gagal mematuhi prinsip mengenai isu ini yang G diputuskan dalam kes; *Melinda Stevenson v. PP* [2020] 6 CLJ 34:

> During the examination in chief of PW5, the prosecution did not refer him to any of the exhibits marked as 'ID16-JD119'. The prosecution conducting the trial had asked the court for a short adjournment for the purposes of H identification of exhibits. The notes of evidence did not record what actually transpired during the break purportedly for the identification of exhibits. One could only assume or make conjecture that during the break, PW5 identified the exhibits. References were made to exh. P130 when the prosecution was examining PW5 but he was not referred to I exhs. ID16-ID119. Why wasn't the identification of the exhibits done during the hearing, in the presence of the JC?

> This was not explained by the JC in the grounds of judgment nor the prosecution in their written submission. The failure to identify the exhibits before the JC had caused a serious break in the chain of evidence.

(v) isu kelima dan keenam: pihak pendakwaan gagal mengemukakan rakaman CCTV hari kejadian dan gagal menunjukkan rantaian keterangan berkenaan rakaman percakapan telefon pada 22 Oktober 2019:

(a) keterangan SP8 dan SP15 menunjukkan pasukan serbuan SPRM telah pun memasang alat perakam CCTV di lokasi tempat kejadian. Namun demikian, rakaman CCTV ini tidak dikemukakan kepada pihak pembelaan dan juga tidak dimainkan di mahkamah terbuka semasa perbicaraan;

(b) HMS telah terkhilaf kerana tidak membuat keputusan bahawa kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan rakaman CCTV tersebut mengundang mahkamah menggunakan peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950. Rujuk: *PP v. Chee Kon Fatt* [1991] 3 CLJ 2564; [1991] 3 CLJ (Rep) 513, *PP v. Tan Hock Beng* [2002] 3 CLJ 177;

(c) keperluan mengemukakan rakaman CCTV itu menjadi lebih kritikal apabila SP15 sendiri semasa disoal balas menyatakan:

> ... suara dalam rakaman itu (rakaman audio di exh. P5) macam suara Tuan Amin ... Keterangan SP15 ini menunjukan SP15 sendiri tidak begitu pasti akan pemilik suara dalam P5 tersebut yang dirakam oleh SP4 dan transkripnya (P4B) disediakan oleh SP5.

(d) keterangan SP5 menyatakan beliau menyediakan transkrip P4B selaras dengan rakaman yang dibuat oleh SP4. Nombor telefon perayu yang disebut oleh SP5 dalam transkripsi itu adalah berbeza dengan nombor telefon perayu yang sebenarnya. Dalam transkripsi itu, SP5 menyatakan:

> Transkripsi rakaman perbualan telefon dari alat perakam jenis Sony CD-PX470 berkaitan IPL/RPTNO/0419/2019 pada 22/10/2019 jam 1.10 petang sehingga 1.17 petang dari nombor telefon 017-9446359 kepada nombor telefon 012-3787852.

017-9446359 itu dikatakan nombor telefon milik pengadu SP15, manakala 012-3787852 dikatakan nombor telefon yang dikatakan nombor telefon milik perayu;

(e) mengikut keterangan SP15 semasa pemeriksaan utama, beliau menyatakan bahawa nombor telefon perayu adalah 012-3787851 di mana ia tidak sama dengan nombor telefon dalam rakaman tersebut;

(f) perayu berhujah dalam semua keadaan yang dinyatakan di atas, hanya rakaman CCTV sahaja yang dapat mengaitkan perayu semasa kejadian berlaku;

(g) perayu berhujah bahawa HMS jelas sekali telah terkhilaf dalam membuat keputusan mengenai isu ini yang tidak memihak kepada perayu apabila HMS tidak mematuhi prinsip yang diputuskan dalam kes *Wong Soon Choon v. PP* [2016] 2 CLJ 807 dimana Mahkamah Rayuan memutuskan:

> (3) Without the CCTV footage being produced, the defence was at a disadvantage or prejudiced and the truth of the prosecution's case could not be verified. Had the CCTV been produced, the trial judge would have been in a better position to verify the prosecution's version and in particular SP7 and SP11's evidence.

(h) rakaman audio yang dimainkan di mahkamah terbuka semasa SP4 memberi keterangan menunjukkan SP4 membuat rakaman perbualan telefon di antara perayu dan SP15 pada jam 1.10 petang pada 22 Oktober 2019. Namun demikian, perayu membangkitkan bahawa tiada keterangan yang diberikan oleh SP4 mengenai bagaimana dan di mana rakaman perbualan yang asal disimpan oleh beliau dari 22 Oktober 2019, 1.10 petang iaitu selepas rakaman itu dibuat sehingga 23 Oktober 2019 jam lebih kurang 11 pagi apabila rakaman tersebut dipindahkan dengan menggunakan komputer pejabat;

(i) perayu menyatakan HMS terkhilaf dalam memutuskan untuk menolak hujahan perayu mengenai isu ini dan gagal mengguna pakai prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Yusri Pialmi v. PP* [2010] 6 CLJ 878:

> ... It is also can be noted that SP4 in his evidence did not explain the movement of the cannabis in packages G1 and G2 from the time he received and weighed them on 25 February 2005 until he placed them in a box marked "CL" (exh. P3) on 21 February 2005 and sent to the chemist on 28 February 2005. It is our judgement evaluating the prosecution's case in the light of the evidence available there exists a serious doubt as to the identity of the cannabis as a case exhibit. Was it the same item that was seized?

(j) perayu berhujah bahawa HMS terkhilaf apabila gagal memutuskan rantaian keterangan berkenaan rakaman percakapan telefon pada 22 Oktober 2019 itu terputus. Ini kerana pihak pendakwaan sepatutnya mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam kes *Mohd Ali Jaafar v. PP* [1998] 4 CLJ Supp 208, di mana mahkamah memutuskan:

No evidence was adduced to show that the recordings played in court were of conversations that took place between the complainant and the appellant. The authenticity of the recordings were wrongly admitted in evidence by the learned Sessions Court Judge. As the conviction of the appellant on the first charge was anchored on the recorded evidence, it could not be sustained.

It is perhaps appropriate at this stage to consider the matters that must be established when introducing evidence of a tape recording. They are as follows:

(a) The tape was run through and found to be clean before the recording was made;

(b) The machine was in proper working order;

(c) The tape was not tampered with or altered in any way – it should be established in whose possession the tape was at all times;

(d) The officers (or other witnesses) played the tape over after making the recording and heard voices which they can identify;

(e) A transcript was prepared of the voices; if it was just taken down in shorthand and the typed transcript prepared from the shorthand notes then the notes should be saved;

(f) The officers (or other witnesses) played over the recording and checked it with the transcript as to the identity of the voices and as to the conversation.

(See *Canadian Criminal Evidence*, 3rd edn, by PK McWilliams QC at pp 7-10).

In addition the following precautionary steps taken by PWS ought to be followed:

(1) Uttering of the introductory and closing words,

(2) Breaking of the safety tabs after the recording; and

(3) Placing identification marks on the tapes.

(k) memandangkan saksi-saksi pihak pendakwaan gagal memberi penjelasan mengenai tatacara penyimpanan rakaman suara yang dikatakan suara perayu antara tarikh rakaman audio itu dibuat oleh SP4 ke tarikh ia ditranskripsikan oleh SP5, maka HMS terkhilaf kerana gagal menolak rakaman audio (P4) dan transkripsi rakaman audio itu (P4B). Keadaan ini diburukkan lagi dengan kekhilafan HMS dalam membuat keputusan mengenai isu CCTV. Kekhilafan HMS dalam keputusannya

A mengenai isu ini sahaja sudah cukup untuk membolehkan perayu tidak dipanggil membela diri kerana pihak pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes *prima facie*: *Sahari Masrom v. PP* [2008] CLJU 584; [2008] 1 LNS 584; [2009] 2 MLJ 859;

B (vi) isu ketujuh: pihak pendakwaan gagal membuktikan siapa yang menyediakan senarai wang bertanda (P7):

(a) dalam penyata saksinya (PSP4), SP4 telah menyatakan bahawa senarai wang bertanda atau wang perangkap telah disediakan oleh PSP Firdaus Kasinan, yang tidak ditawarkan mahupun dipanggil sebagai saksi untuk mengesahkan bahawa senarai wang C bertanda telah disediakan oleh ibu pejabat SPRM. Walau bagaimanapun, semasa disoal balas oleh peguambela perayu, SP4 mengakui bahawa senarai wang bertanda disediakan oleh beliau sendiri. Pihak pendakwaan juga gagal menunjukkan bahawa wang perangkap itu adalah dari ibu pejabat SPRM D kerana PSP Firdaus Kasinan tidak dipanggil sebagai saksi untuk mengesahkan keterangan SP4:

> Pada jam lebih kurang 3.30 petang, saya telah menyerahkan wang bertanda iaitu wang note RM100.00 sebanyak 250 keping yang berjumlah RM25,000.00 kepada Hasan Basri E dan penyerahan tersebut adalah disaksikan oleh PPs Fakruruzi. Wang bertanda tersebut telah diserahkan kepada saya oleh PPs Firdaus Kasinan iaitu Pegawai SPRM dari Ibu Pejabat bersama-sama dengan satu Senarai Wang Bertanda yang telah beliau sediakan. Wang bertanda F tersebut telah saya masukkan ke dalam satu beg kertas berwarna biru yang tertera tulisan VIVO berwarna putih. Semasa penyerahan wang bertanda dibuat, PsK Rohaizi ada mengarahkan Hasan Basri untuk menunjukkan wang bertanda tersebut terlebih dahulu kepada suspek dan memastikan yang suspek melihat dengan jelas wang G bertanda tersebut sebelum menyerahkannya kepada suspek.

(b) HMS terkhilaf kerana gagal mengguna pakai s. 114(g) Akta Keterangan terhadap pihak pendakwaan atas kegagalan memanggil PSP Firdaus Kasinan untuk memberi keterangan. HMS juga terkhilaf kerana gagal membuat dapatan bahawa H keadaan ini telah menimbulkan keraguan terhadap asal-usul wang perangkap;

(vii) isu kelapan: percanggahan serius mengenai waktu sebenar wang bertanda diserahkan dan diterima oleh SP15;

I (a) HMS terkhilaf kerana gagal membuat keputusan yang berpihak kepada perayu walaupun terdapat percanggahan yang serius mengenai keterangan waktu wang perangkap diserahkan kepada SP15. Ini adalah kerana menurut SP15, wang bertanda telah

diserahkan kepada beliau pada jam 1 lebih tarikh 22 Oktober 2019, manakala SP4 pula mengatakan bahawa wang bertanda telah diserahkan kepada SP15 pada jam 3.30 petang;

(ii) perayu berhujah HMS juga terkhilaf kerana tidak membuat dapatan bahawa keadaan ini telah menimbulkan kemungkinan terdapat dua set wang bertanda telah diserahkan kepada SP15. Keadaan ini menimbulkan keraguan munasabah yang menyebabkan perayu tidak harus dipanggil membela diri kerana pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* di akhir kes pendakwaan;

(viii) isu kesembilan: pihak pendakwaan gagal membuktikan wang dirampas adalah dalam milikan perayu:

(a) perayu berhujah HMS terkhilaf kerana tidak membuat dapatan bahawa pihak pendakwaan gagal menunjukkan sebarang keterangan yang membuktikan bahawa wang telah dirampas daripada milikan perayu;

(b) peguam perayu berhujah selanjutnya bahawa tiada sebarang keterangan menunjukkan perayu menerima wang daripada SP15, malah perayu sebenarnya telah dipaksa menerima wang berkenaan dan membuat kiraan dalam kereta beliau;

(ix) isu kesepuluh: perayu tidak pernah berhubung dengan SP15:

Sejajar dengan hujahan perayu mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam perenggan terdahulu, khususnya perihal:

(a) nombor telefon perayu yang dinyatakan dalam transkripsi P5 yang disediakan oleh SP5 yang bukan nombor telefon perayu;

(b) percanggahan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan;

(c) keterangan SP15 tatkala mendengar rakaman audio yang menyatakan "suara dalam rakaman itu macam suara Tuan Amin";

(d) kegagalan pihak pendakwaan mematuhi prosedur mengenai rantaian keterangan dalam hal penyimpanan barang bukti utama iaitu wang perangkap, rakaman audio dan rakaman CCTV, perayu berhujah bahawa HMS terkhilaf kerana gagal membuat dapatan yang memihak kepada perayu untuk menerima keterangan perayu semasa membela diri bahawa beliau tidak pernah membuat sebarang panggilan atau berkomunikasi dengan SP15;

(x) isu kesebelas: pembelaan perayu bukan penafian kosong:

(a) perayu berhujah bahawa HMS terkhilaf dalam dapatannya dari segi fakta dan undang-undang apabila menilaikan bahawa pembelaan perayu adalah satu penafian semata-mata dan pemikiran terkemudian (afterthought), ia adalah satu kesilapan yang kritikal untuk tidak mempertimbangkan pembelaan, dan peninggalan sedemikian adalah kesilapan yang boleh menjadi alasan rayuan. Apabila suatu penjelasan diberikan oleh perayu yang konsisten dengan unsur tidak bersalah, HMS bertanggungjawab untuk mempertimbangkan sama ada penjelasan tersebut boleh mempunyai satu kebenaran yang munasabah, walaupun tidak yakin akan kebenarannya;

(b) HMS terkhilaf apabila gagal mematuhi prinsip yang diputuskan dalam kes *Chai Tee Keiong v. PP* [2013] CLJU 975; [2013] 1 LNS 975 di mana Mahkamah Rayuan telah memutuskan:

> [57] With respect, it was an unfair criticism mounted against the defence of the appellant. It was simply against the weight of the evidence. It was, in our judgment, neither a defence of "bare denial" nor an "afterthought" defence. *The defence of the appellant was advanced or put at the appropriate time when the prosecution witnesses gave their evidence. This was not the case where the defence was raised for the very first time at the defence stage. In fact, the defence was put or suggested to the relevant prosecution witnesses during the trial proper. That being the case, the defence of the appellant cannot be branded as a "bare denial" or a "recent invention" or an "afterthought".* The need to cross-examine and to put your case across is a sound rule of law. It allows the opposite party to explain and defend. It is a rule of law that is not confined to criminal matters but it applies, with equal force, in civil matters as well.

(c) HMS juga terkhilaf apabila gagal mengguna pakai prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Gooi Loo Seng v. PP* [1993] 3 CLJ 1; [1993] 2 MLJ 137:

> Clearly, therefore, the trial fudge, was bound to, but did not view the whole of the evidence objectively and from all angles, with the result that the appellant had lost the chance which was fairly open to him of being acquitted. On this point, we consider that nondirection amounts to a misdirection, for in the words of Pickford J in *R v. Bundy 1*: '... the trial was not satisfactory, and the case was not put to the jury in a way to ensure their due appreciation of the value of the evidence'.
>
> We must treat the failure of a trial judge sitting alone, to direct himself correctly in the same way as a failure to direct a jury correctly. In these circumstances, a miscarriage of justice may well have occurred.

Accordingly, we had no alternative but to allow the appeal, quash the conviction and to substitute *in lieu* thereof, an order of acquittal and discharge.

(xi) isu kedua belas: perayu dipukul semasa dalam tahanan SPRM:

(a) perayu berhujah bahawa HMS gagal mengambil kira eksh. D16, laporan polis yang dibuat oleh perayu perihal beliau dipukul ketika dalam tahanan SPRM. Dalam hal ini, perayu memberi keterangan semasa membela diri bahawa beliau dipaksa menurunkan tandatangan di suatu helai kertas tanpa dibaca isi kandungannya;

(b) perayu berhujah HMS terkhilaf kerana gagal membuat dapatan yang memihak kepada perayu bahawa tandatangan itu menjurus kepada pengakuannya menerima wang rampasan berkaitan dengan pertuduhan-pertuduhan yang dihadapinya ini. Perayu berhujah ini adalah sebenarnya eksh. P7 berupa senarai wang perangkap yang mengandungi tandatangan perayu yang diperoleh secara paksa. P7 telah dikepilkan kepada notis penyitaan di eksh. P14. P14 tidak mengandungi tandatangan perayu; dan

(xii) isu ketiga belas: perayu berjaya menyangkal anggapan di bawah s. 50 ASPRM:

(a) berdasarkan kepada segala perkara yang dibangkitkan oleh perayu dalam perenggan-perenggan di atas, maka HMS terkhilaf apabila memutuskan untuk mengguna pakai s. 50 ASPRM.

Dapatan Mahkamah Ini

[11] Setelah meneliti segala keterangan yang terkandung dalam rekod-rekod rayuan, hujahan peguam perayu dan Timbalan Pendakwa Raya serta alasan penghakiman HMS, mahkamah ini membuat dapatan seperti berikut:

(i) nilai keterangan transkripsi (P5):

(a) P5 telah disediakan oleh SP5 semasa mendengar rakaman dalam P4B;

(b) menurut SP4, beliau telah mengesahkan kandungan P5 adatah sama dengan perbualan yang beliau dengar pada 22 Oktober 2019 di antara SP15 dan seorang yang menggunakan nombor telefon 012-3787851;

(c) nombor 012-3787851 disahkan oleh SP3 didaftarkan di atas nama perayu. Keterangan SP3 ini langsung tidak dicabar oleh pihak pembelaan;

(d) keterangan SP15 dan SP4 mengenai adanya panggilan dibuat oleh SP15 kepada perayu pada 22 Oktober 2019 jam 1.10 petang telah pun disokong oleh keterangan SP2;

(e) rakaman tersebut tidak memerlukan izin daripada Pendakwa Raya: *Azahar Hj Abdul Aziz v. PP* [2019] CLJU 2032; [2019] 1 LNS 2032;

(f) keterangan SP2 tentang panggilan ini langsung tidak dicabar oleh pihak pembelaan;

(g) salah satu suara dalam rakaman P4B yang dimainkan di mahkamah telah disahkan oleh SP15 sebagai suara SP15. Keterangan ini juga tidak dicabar oleh pihak pembelaan;

(h) SP15 juga telah mengecamkan suara seorang lagi di dalam rakaman adalah suara perayu. SP15 telah memberikan alasan beliau mengecam suara perayu, dan ini juga tidak dicabar oleh pihak pembelaan. Malah keterangan SP15 bahawa SP15 mengecam suara perayu kerana SP15 selalu bercakap dengan perayu di dalam telefon disahkan oleh pihak TELCO iaitu SP2 dan SP3 melalui 'call logs': *Teng Kum Seng v. PP* [1960] CLJU 139; [1960] 1 LNS 139; [1960] MLJ 225;

(i) SP6, SP9, SP10 dan SP11 juga diperdengarkan rakaman P4B di dalam mahkamah semasa perbicaraan dan mereka memberikan keterangan bahawa salah satu suara dalam rakaman tersebut adalah suara yang mirip suara perayu;

(j) selepas rakaman dibuat pada 22 Oktober 2019 jam 1.10 petang, perayu ada datang ke kedai SP15 pada jam 6.30 petang;

(k) SP15, SP4, SP7, SP8 dan SP14 mengesahkan perayu ada ditangkap di tempat kejadian, maka kesemua siri keterangan ini bukanlah suatu kebetulan bahawa SP15 ada bercakap dengan perayu pada 22 Oktober 2019 jam 1.10 petang;

(ii) perayu telah meminta/setuju terima suapan RM100,000 pada 5 Julai 2019:

(a) mahkamah ini memutuskan HMS telah membuat dapatan yang betul setelah menilai keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan bahawa perayu telah meminta/setuju untuk menerima suapan RM100,000 pada 5 Julai 2019 dari SP15 melalui keterangan SP15 seperti dalam jadual di bawah:

KETERANGAN SP15	KETERANGAN SOKONGAN
• Pada 5 Julai 2019, Perayu telah meminta daripada SP15 wang sebanyak RM100,000.00 untuk diberikan hukuman denda dan tidak dikenakan hukuman penjara • Menurut SP15, pada awal Julai 2018, pihak polis telah melakukan serbuan ke atas kedainya. Di sana pihak polis telah menjumpai rokok diseludup • Selepas itu SP15 telah dibawa ke rumahnya oleh pihak polis yang sama yang telah melakukan serbuan pertama sebelum ini dan di sana pihak polis menjumpai lagi rokok yang diseludup • SP15 telah dituduh untuk kedua-dua kes ini pada 25 Jun 2019 dan 3 Oktober 2019 • Bagi pertuduhan 25 Jun 2019, SP15 telah tidak mengaku bersalah dan SP15 dilepaskan dengan jaminan sebanyak RM25,000.00 dengan seorang penjamin • SP12 iaitu anak SP15 telah menjadi penjamin kepada SP15 • Majistret yang mendengar kes SP15 ketika itu adalah Perayu • Menurut SP15, pada 4 Julai 2019, SP12 telah memaklumkan SP15 bahawa SP12 ada menerima panggilan telefon daripada Perayu bilamana Perayu mengatakan ada perkara penting yang ingin dibincangkan dengan SP15 • SP15 telah meminta nombor telefon Perayu daripada SP12 • Nombor telefon Perayu yang diberikan kepada SP15 oleh SP12 adalah 012-3787851	• SP12 telah sahkan telah menerima panggilan telefon dari seorang yang memperkenalkan diri sebagai Tuan Hakim Mohamad Amin pada 4 Julai 2019 jam 5.30 petang • Pemanggil itu memberitahu SP12 yang beliau ingin bercakap dan berjumpa dengan SP15 kerana perkara yang ingin dibincangkan begitu serius. • Pemanggil telah meminta daripada SP12 nombor telefon SP15 dan SP12 telah memberikan nombor telefon SP15 kepada pemanggil • Selepas sampai di rumah daripada tempat kerja, SP12 memaklumkan SP15 bahawa seorang bernama Tuan Amin ingin bercakap dan berjumpa SP15 • Kemudian SP15 ada meminta nombor telefon "Tuan Amin" daripada SP12 • SP12 juga sahkan SP15 dan SP12 ada berjumpa Perayu pada malam 4 Julai 2019 • SP12 sahkan Perayu ada berbincang dengan SP15 • SP12 sahkan yang Perayu mengatakan pada SP15 yang Perayu akan berbincang dengan seorang Dato' tentang kes SP15.

KETERANGAN SP15	KETERANGAN SOKONGAN
• SP15 telah menelefon Perayu dan Perayu meminta SP15 datang berjumpa Perayu di Restoran KFC Bandar Raub pada sebelah malam • Pada jam lebih kurang 8.00 malam, SP15 dan SP12 telah pergi ke Restoran KFC untuk berjumpa Perayu dan pada jam 9.00 malam, SP15 telah menelefon Perayu untuk memaklumkan SP15 dan SP12 telah sampai di Restoran KFC • Perayu memaklumkan di Restoran KFC itu ramai polis dan Perayu menukar tempat lain iaitu di sebuah kedai makan di Bukit Koman iaitu Kedai Satay Pak Harun berhadapan Hospital Raub • Semasa SP15 dan SP12 tiba di Kedai Satay Pak Harun, SP15 nampak Perayu juga baru sampai di kedai satay tersebut • Kemudian SP15, SP12 dan Perayu mengambil tempat di kedai tersebut • Dalam pertemuan itu, Perayu telah memaklumkan kepada SP15 kepada SP15 bahawa kes yang dihadapi oleh SP15 sepertimana yang dituduh pada 25 Jun 2019 adalah satu kes yang berat dan Perayu memaklumkan SP15 ada orang ingin menganiaya SP15 • SP15 bertanyakan kepada Perayu samada Perayu boleh menolong SP15 atau tidak dan Perayu memaklumkan SP15 bahawa Perayu tidak mahu duit SP15 kerana gaji Perayu sebulan adalah RM10,000.00 • SP15 memberitahu Perayu kalau ada apa-apa SP15 akan menghubungi Perayu semula	SP12 sahkan SP15 ada meminta Perayu membantu • SP12 sahkan Perayu ada berikan satu salinan kertas tuduhan kepada SP15 • SP12 sahkan Perayu memaklumkan SP15 untuk berhubung melalui telefon kerana khuatir orang nampak • Menurut SP2 nombor 017-9446359 didaftarkan atas nama SP1. • Menurut SP3 nombor 012-3787851 didaftarkan atas nama Perayu • SP2 sahkan ada panggilan dibuat oleh nombor yang digunakan oleh SP15 kepada nombor yang didaftarkan atas nama Perayu pada 4 Julai 2019 jam 6.28 petang • SP3 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama Perayu ada membuat panggilan kepada nombor yang didaftarkan atas nama SP15 pada 4 Julai 2019 jam 5.34 petang • SP2 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama SP15 ada membuat panggilan kepada nombor yang didaftarkan atas nama Perayu pada 4 Julai 2019 jam 9.02 malam • SP2 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama SP15 ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan

KETERANGAN SP15	KETERANGAN SOKONGAN
• Ketika itu Perayu telah menyerahkan kepada SP15 satu salinan dokumen pertuduhan nombor CI-83-38-06/2019 atas nama SP15 untuk SP15 baca apabila sampai di rumah. • Pada 5 Julai 2019, SP15 ada menelefon Perayu untuk bertanyakan pasal kes SP15 • Di dalam perbualan tersebut Perayu memaklumkan SP15 bahawa kes yang dihadapi oleh SP15 adalah satu kes yang besar dan Perayu bertanyakan kepada SP15 jika ingin meminta bantuan daripada Perayu berapa wang yang SP15 boleh berikan kepada Perayu • SP15 mengatakan pada Perayu, SP boleh membayar kepada Perayu lebih kurang RM20,000.00 hingga RM25,000.00 sahaja • Perayu telah mengatakan jika begitu tidak perlu beri kerana kes SP15 adalah amat besar dan tidak memadai dengan jumlah wang yang SP15 tawarkan kepada Perayu SP15 mengatakan kalau begitu tidak mengapa dan meletakkan panggilan • Beberapa jam kemudian, SP15 telah menelefon Perayu semula tetapi panggilan tidak dijawap • Tidak lama kemudian semasa di rumah, SP15 telah menelefon Perayu semula dan panggilan dijawap oleh Perayu • SP15 sekali lagi meminta bantuan daripada Perayu. Perayu memberitahu SP15 bahawa Perayu mahukan RM100,000.00 kerana kes ini adalah kes berat	atas nama Perayu pada 5 Julai 2019 jam 3.41 petang • SP2 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama SP15 ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama Perayu pada 5 Julai 2019 jam 3.45 petang • SP2 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama SP15 ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama Perayu pada 5 Julai 2019 jam 4.01 petang • SP2 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama SP15 ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama Perayu pada 5 Julai 2019 jam 10.50 malam • SP3 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama Perayu ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama SP15 pada 5 Julai 2019 jam 9.58 pagi • SP3 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama Perayu ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama SP15 pada 5 Julai 2019 jam 12.41 tengahari • SP3 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama Perayu ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama SP15 pada 5 Julai 2019 jam 3.29 petang

KETERANGAN SP15	KETERANGAN SOKONGAN
• Menurut Perayu RM100,000.00 bukan untuk Perayu seorang kerana untuk menyelesaikan kes ini perlu melibatkan Dato' PPN (SP1) dan DPP • SP15 bersetuju dengan permintaan Perayu ini asalkan Perayu dapat membantu menyelesaikan kes SP15 • Perayu meminta RM100,000.00 supaya dapat mengurangkan hukuman SP15 dan tidak dikenakan hukuman penjara kepada SP15 tetapi hanya mengenakan hukuman denda.	• SP3 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama Perayu ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama SP15 pada 5 Julai 2019 jam 4.44 petang

(b) berdasarkan kepada keterangan di atas, adalah jelas perayu yang telah mengambil langkah pertama untuk bertemu SP15 dan selepas itu meminta SP15 untuk memberikan wang RM100,000 kepadanya;

(c) keterangan saksi-saksi pendakwaan berkenaan perkara ini juga telah disokong oleh rakaman perbualan iaitu eksh. P4B dan transkrip iaitu eksh. P5;

(d) berdasarkan nilaian keterangan saksi-saksi khususnya SP15 mengenai fakta-fakta seperti diringkaskan di atas, mahkamah ini mendapati dapatan HMS bahawa perayu telah meminta wang RM100,000 daripada SP15 pada tarikh kejadian adalah dapatan yang betul;

(e) mahkamah ini mendapati keputusan HMS itu adalah selaras dengan prinsip yang diputuskan di dalam kes *PP v. You Kong Lai* [1984] 1 CLJ 379; [1984] 2 CLJ (Rep) 429; [1985] 1 MLJ 298, di mana mahkamah telah memutuskan bahawa kesalahan meminta suapan berlaku apabila:

> The presence of the word 'solicit' in the section, to my mind, clearly shows that if a person invites the payment of monies so that he may allegedly use the same to bribe a member of a public body, he has already committed an offence. The fact that the corrupt purpose was not carried out does not matter.

(iii) perayu telah memperoleh suapan berjumlah RM25,000 pada 9 Julai 2019:

(a) HMS telah membuat dapatan yang betul setelah menilai keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan bahawa perayu telah menerima wang suapan RM25,000 pada 9 Julai 2019 daripada SP15 dengan cara meyakinkan dan menakut-nakutkan SP15, yang merupakan suatu perbuatan memperoleh sebagaimana diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *PP lwn. Mohd Asyraf Thiru Abdullah* [2015] 5 CLJ 938;

(b) mahkamah ini memutuskan dapatan HMS bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan inti pati pemerolehan wang suapan RM25,000 oleh perayu adalah betul. Ini khususnya setelah mahkamah ini menilai segala keterangan SP15 mengenai fakta ini yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebagaimana dijelaskan dalam jadual seperti di bawah:

KETERANGAN SP15	KETERANGAN SOKONGAN
• Pada 9 Julai 2019, Perayu telah memperoleh wang sebanyak RM25,000.00. • Pada 9 Julai 2019 SP15 telah menerima panggilan telefon daripada Perayu dan Perayu telah meminta wang pendahuluan bagi menyelelesaikan kes SP15 sebanyak RM25,000.00. • Perayu memaklumkan SP15 duit deposit sebanyak RM25,000.00 hendaklah dibayar terlebih dahulu dan Perayu memberitahu duit tersebut untuk dibahagikan kepada Dato' PPN (SP1) dan DPP. • SP15 meminta agar jumlah dikurangkan kepada RM15,000.00 kerana pada masa itu kes tersebut belum diselesaikan oleh Perayu dan wang pendahuluan yang diminta Perayu adalah terlalu tinggi. • Perayu tidak bersetuju untuk mengurangkan wang pendahuluan tersebut.	• SP12 sahkan SP15 ada berjumpa dengan Perayu dan menyerahkan wang RM25,000.00 pada 9 Julai 2019. • SP3 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama Perayu ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama SP15 pada 6 Julai 2019 jam 11.53 pagi. • SP3 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama Perayu ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama SP15 pada 9 Julai 2019 jam 4.23 petang. • SP3 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama Perayu ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama

KETERANGAN SP15	KETERANGAN SOKONGAN
• Perayu mengatakan Perayu mahukan wang pendahuluan sebanyak RM25,000.00 dan meminta SP15 untuk menyerahkan wang tersebut pada sebelah petang di Taman Bukit Koman, Raub selepas waktu pejabat. • SP15 telah memaklumkan perkara ini kepada SP12. • Apabila SP12 balik daripada kerja jam 6.39 petang, SP15 telah meminta SP12 untuk menemani SP15 untuk berjumpa Perayu. • SP15 telah mengambil wang dari dalam peti simpanan kedai runcit SP15 di dalam bilik SP15 sebanyak RM25,000.00 dan SP15 memasukkan wang RM25,000.00 dan memasukkan wang itu ke dalam satu sampul surat putih. • SP15 telah sampai ke Taman Tasik Raub yang terletak di Taman Bukit Koman bersama SP12 dengan menaiki kereta Toyota Hilux pada 7.00 malam. • SP15 telah meletakkan sampul berisi duit itu di bahagian arm rest. • Selepas itu SP15 telah menelefon Perayu dan memaklumkan SP15 telah sampai. • Tidak lama selepas itu, Perayu sampai menaiki Honda HRV berwarnu kelabu dan memberhentikan kereta Perayu bersebelahan dengan kereta SP15. • Kemudian Perayu telah keluar dari kereta Perayu dan menuju ke kereta SP15 SP15 tidak turun dari kereta SP15 dan duduk di bahagian pemandu.	SP15 pada 9 Julai 2019 jam 6.39 petang. • SP3 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama Perayu ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama SP15 pada 6 Julai 2019 jam 11.53 pagi. • SP3 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama Perayu ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama SP15 pada 9 Julai 2019 jam 4.23 petang. • SP2 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama SP15 ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama Perayu pada 6 Julai 2019 jam 10.59 pagi. • SP2 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama SP15 ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama Perayu pada 6 Julai 2019 jam 9.45 malam. • SP2 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama SP15 ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama Perayu pada 7 Julai 2019 jam 3.33 petang. • SP2 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama SP15 ada membuat

KETERANGAN SP15	KETERANGAN SOKONGAN
• Perayu telah berjalan datang menghampiri kereta SP15 dan SP15 telah menurunkan cermin tingkap dan telah berbual dengan Perayu. • SP15 telah mengambil sampul surat berisi wang RM25,000.00. • Ketika itu SP15 juga ada di dalam kereta di bahagian kerusi penumpang SP15 telah menyerahkan wang RM25,000.00 kepada Perayu. • Perayu telah memasukkan sampul surat berisi wang RM25,000.00 ke dalam poket jacket yang dipakai oleh Perayu.	panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama Perayu pada 7 Julai 2019 jam 10.10 malam. • SP2 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama SP15 ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama Perayu pada 9 Julai 2019 jam 7.17 malam.

(iv) perayu telah memperoleh suapan RM25,000 pada 22 Oktober 2019:

(a) HMS telah membuat dapatan yang betul setelah menilai keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan bahawa perayu telah menerima wang suapan RM25,000 pada 22 Oktober 2019 daripada SP15 dengan cara meyakinkan dan menakut-nakutkan SP15, yang merupakan suatu perbuatan memperoleh: *PP lwn. Mohd Asyraf Thiru* (*supra*);

(b) keterangan saksi-saksi berkenaan pertuduhan ini juga telah disokong oleh rakaman perbualan (eksh. P4B) dan transkrip (eksh. P5);

(c) mahkamah ini memutuskan dapatan HMS bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan inti pati pemerolehan wang suapan RM25,000 oleh perayu adalah betul. Ini khususnya setelah mahkamah ini menilai segala keterangan SP15 mengenai fakta ini yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebagaimana dijelaskan dalam jadual seperti di bawah:

KETERANGAN SP15	KETERANGAN SOKONGAN
• Pada 22 Oktober 2019, Perayu telah memperoleh wang sebanyak RM25,000.00. • Pada 27 September 2019, Sarjan Solleh telah memaklumkan kepada SP15 bahawa SP15 perlu hadir ke Mahkamah pada 3 Oktober 2019 untuk menghadapi pertuduhan kedua kerana memiliki rokok seludup yang dijumpai di dalam kedai SP15. • Pada 3 Oktober 2019, SP15 telah hadir ke Mahkamah Majistret Kuala Lipis seorang diri untuk mengaku salah. • Selepas itu seorang wanita berketurunan Singh berjumpa SP15 dan bertanya apa tujuan SP15 hadir ke Mahkamah dan	• SP3 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama Perayu ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama SP15 pada 3 Oktober 2019 jam 10.45 pagi. • SP2 sahkan nombor yang didaftarkan atas nama SP15 ada membuat panggilan ke nombor yang didaftarkan atas nama Perayu pada 22 Oktober 2019 jam 1.11 petang.

KETERANGAN SP15	KETERANGAN SOKONGAN
SP15 memaklumkan SP15 dikehendaki hadir untuk menghadapi pertuduhan. • Wanita itu kemudian masuk ke dalam pejabat untuk mendapatkan kepastian Lebih kurang 10 minit selepas itu, Perayu telah menelefon SP15 dan Perayu telah mengatakan SP15 boleh dikenakan hukuman penjara kerana datang ke Mahkamah tanpa memaklum kepada Perayu terlebih dahulu. • Perayu melarang SP15 untuk mengaku salah dan meminta SP15 untuk melantik seorang peguambela untuk mewakili SP15. • Lebih kurang jam 11.30 pagi, kes SP15 dipanggil dan SP15 tidak mengaku bersalah. • Pada 6 Oktober 2019 jam lebih kurang 1.30 petang, Perayu menelefon SP15 dan memaklumkan SP15 bahawa SP15 akan dikenakan hukuman penjara bagi kes yang baru dituduh dan denda RM17,000.00. • Perayu meminta SP15 berfikir semula tentang perkara ini dan menghubungi Perayu semula. • SP15 agak terkejut mendengar perkara ini • Pada 9 Oktober 2019, semasa SP15 berada di rumah, SP15 telah menerima panggilan daripada Encik Rozie yang telah memperkenalkan diri daripada SPRM Putrajaya. • SP7 telah menanyakan kepada SP15 semada ada memberikan wang rasuah kepada Majistret Kuala Lipis. • SP15 ada memberitahu SP7 yang SP15 ada membayar wang rasuah kepada Perayu yang mengendalikan kes SP15 sebagai hakim. • SP15 juga memaklumkan kepada SP7 bahawa SP15 telah membuat bayaran kepada Perayu sebanyak RM85,000.00.	• SP4 yang ditugaskan untuk merakamkan perbualan di antara SP15 dan Perayu ada sahkan SP15 ada membuat panggilan kepada Perayu beberapa kali sebelum 22 Oktober 2019 tetapi panggilan tidak diangkat oleh Perayu • SP4 sahkan pada 22 Oktober 2019 jam 1.10 petang ada membuat rakaman perbualan di antara SP15 dan Perayu. • Menurut SP4 rakaman tersebut kemudiannya telah dipindahkan ke dalam DVD [ekshibit P6B]. • SP4 sahkan SP4 telah serahkan beg VIVO ekshibit P6A dan wang perangkap sebanyak RM25,000.00 ekshibit P8A kepada SP15 pada 22 Oktober 2019. • SP4, SP7 dan SP8 sahkan Perayu ditangkap pada petang 22 Oktober 2019 di hadapan kedai SP15. • SP4, SP7 dan SP8 semasa Perayu ditangkap Perayu memegang P6A dan di dalam P6A masih mengandungi P8A. • Menurut SP5, beliau telah menyediakan transkrip daripada rakaman yang

KETERANGAN SP15	KETERANGAN SOKONGAN
• SP15 ada memaklumkan SP7 bahawa Perayu masih menuntut bayaran wang daripada SP15. • Kemudian SP7 memaklumkan kepada SP15 yang SP7 akan datang berjumpa SP15 pada 14 Oktober 2019. • Pada 14 Oktober 2019 jam lebih kurang 6.30 petang semasa berada di rumah SP15, telah datang enam (6) orang lelaki dan salah seorang daripada mereka telah memperkenalkan diri sebagai SP7. • Semasa pertemuan tersebut, SP7 sekali lagi bertanya samada SP15 ada membuat bayaran kepada Perayu • SP15 memaklumkan kepada SP7 bahawa SP15 telah membuat bayaran kepada Perayu sebanyak RM85,000.00 dan yang masih belum dijelaskan adalah RM15,000.00 kerana jumlah keseluruhan yang diminta oleh Perayu adalah sebanyak RM100,000.00 • SP15 memaklumkan SP7 bahawa bayaran yang dibuat oleh SP15 kepada Perayu bertujuan untuk tidak dikenakan hukuman penjara di atas satu pertuduhan di Mahkamah Majistret Kuala Lipis yang mellibatkan pemilikkan rokok seludup • Kemudian pada jam 8.00 malam, SP15 telah membuat satu surat aduan (ekshibit D15) Selepas itu, salah seorang pegawai SPRM iaitu SP8 mengarahkan SP15 untuk membuat panggilan kepada Perayu • Pada jam 9.40 malam, SP15 telah menelefon Perayu, namun panggilan tersebut tidak dijawap oleh Perayu • Panggilan kedua telah dibuat kepada Perayu tetapi masih tidak dijawab oleh Perayu • Kemudian SP7 memaklumkan SP15 sekiranya Perayu menelefon semula untuk terus memaklumkan kepada SP7 semula • Pada 15 Oktober 2019 jam lebih kurang 6.30 petang, SP8 bersama SP7, SP4 dan	terkandung di dalam DVD ekshibit P6B.

KETERANGAN SP15	KETERANGAN SOKONGAN
beberapa orang lagi pegawai SPRM datang ke rumah SP15 • Ketika itu SP8 mengarahkan SP15 untuk membuat panggilan kepada Perayu • Pada 7.25 petang, SP15 telah menghubungi Perayu sebanyak dua (2) kali bagaimanapun kedua-dua panggilan itu tidak diangkat oleh Perayu. • SP8 telah memaklumkan kepada SP15, jika Perayu ada menghubungi SP15, SP15 perlu terus memaklumkan SP7 • Pada 20 Oktober 2019 jam 2.00 petang semasa SP15 berada di kedai SP15, SP15 telah menerima panggilan Perayu • Ketika itu SP15 bertanyakan kepada Perayu tentang kes SP15 dan Perayu mengatakan kes SP15 semakin teruk • Perayu memaklumkan SP15 bahawa Perayu ada memaklumkan kepada Dato' PPN (SP1) dan memaklumkan SP1 meminta SP15 untuk menyelesaikan dua kes sekali dan memberikan diskaun bagi dua (2) kes yang dikenakan kepada SP15 • SP15 bertanyakan kepada Perayu bagi kes baru dituduh ke atas SP15 adakah termasuk di dalam RM85,000.00 yang telah dibayar kepada Perayu sebelum ini • Perayu menjawab RM85,000.00 yang dibayar sebelum ini tidak termasuk engan kes baru yang dituduh pada 3 Oktober 2019. • Perayu memberitahu SP15 yang SP1 ada meminta wang RM60,000.00 untuk selesaikan kes rokok seludup SP15 yang akan dibicarakan • SP15 bertanyakan kepada Perayu, adakah SP15 akan dipenjarakan sekiranya tidak membuat bayaran, walaubagaimanapun Perayu tidak menjawap pertanyaan SP15 ini dan Perayu memaklumkan selepas ini Perayu tidak membantu lagi kerana SP15 terdapat banyak kesalahan lampau	

KETERANGAN SP15	KETERANGAN SOKONGAN
• Perayu memaklumkan SP15 yang Perayu akan cuba berbincang dengan SP1 untuk mengurangkan jumlah wang tersebut • Perayu juga meminta SP15 untuk menyelesaikan baki bayaran sebelum ini sebanyak RM120,000.00 yang mana SP15 telah membayar RM85,000.00 kepada Perayu • SP15 agak terkejut kerana seingat SP15 bayaran yang diminta untuk kes sebelum ini adalah RM100,000.00 sahaja bukannya RM120,000.00 • SP15 meminta tempoh daripada Perayu untuk memikirkan perkara ini dan Perayu telah bersetuju • Perayu telah meminta SP15 untuk menelefon Perayu. Selepas itu SP15 telah menghubungi SP7 untuk memaklumkan perbualan yang telah berlaku antara SP15 dengan Perayu • SP7 memaklumkan kepada SP15 bahawa SP7 akan datang ke rumah SP15 pada 21 Oktober 2019 • Pada 21 Oktober 2019 jam lebih kurang 6.00 petang ketika berada di rumah, SP7 dan SP8 serta beberapa orang pegawai SPRM telah hadir ke rumah SP15 • Di sana SP15 telah memainkan rakaman perbualan di antara SP15 dan Perayu yang SP15 buat melalui telefon • Pada jam 8.04 malam SP8 telah membuat rakaman perbualan antara SP15 dan Perayu • SP15 telah membuat panggilan kepada Perayu sebanyak dua kali tetapi panggilan SP15 tidak berjawab Pada 22 Oktober 2019 jam 11.30 pagi, SP15 telah menerima panggilan telefon daripada Perayu. Perayu telah bertanyakan kepada SP15 di manakah SP15 berada. SP15 memaklumkan SP15 berada di kedai. SP15 bertanyakan bila Perayu akan berehat, Perayu menjawap jam 1.00petang hingga 2.00 petang.	

KETERANGAN SP15	KETERANGAN SOKONGAN
• SP15 memaklumkan Perayu bahawa SP15 akan menghubungi Perayu semula. • Pada jam lebih kurang 1.10petang semasa berada di rumah, SP15 telah membuat panggilan kepada Perayu dan panggilan tersebut dijawab. • Menurut SP15, perbualan telefon di antara SP15 dan Perayu telah dirakamkan oleh SP4 • Dalam perbualan tersebut SP15 memaklumkan Perayu untuk berjumpa SP15 di kedai SP15 dan Perayu memaklumkan akan datang pada jam 5.00 petang Pada jam 3.00 petang, SP8 telah memberi taklimat kepada SP15 • Pada jam 4.00 petang SP15 telah menerima wang RM25,000.00 (ekshibit P8A) daripada SP4 yang diisi di dalam beg biru bertulis VIVO (ekshibit P6A) • SP15 kemudian bergerak ke kedainya dan tiba jam 4.20 petang • Lebih kurang jam 6.00petang, SP15 telah menerima panggilan telefon daripada Perayu, memaklumkan Perayu sudah sampai kepada SP15 SP15 nampak kereta Perayu telah berada di hadapan kedai SP15 • SP15 kemudian meminta Perayu masuk ke dalam kedai dan tidak lama selepas itu Perayu masuk ke dalam kedai • SP15 bertanya khabar Perayu, kemudian telah menyerahkan beg VIVO yang berisi wang RM25,000.00 kepada Perayu sambil menunjukkan isi beg VIVO tersebut • Semasa Perayu bergerak keluar bersama beg VIVO berisi wang RM25,000.00, SP15 nampak dua (2) pegawai SPRM telah menahan Perayu dihadapan kedai SP15 membayar RM85,000.00 kepada Perayu • SP15 agak terkejut kerana seingat SP15 bayaran yang diminta untuk kes sebelum ini adalah RM100,000.00 sahaja bukannya RM120,000.00	

KETERANGAN SP15	KETERANGAN SOKONGAN
• SP15 meminta tempoh daripada Perayu untuk memikirkan perkara ini dan Perayu telah bersetuju • Perayu telah meminta SP15 untuk menelefon Perayu. • Selepas itu SP15 telah menghubungi SP7 untuk memaklumkan perbualan yang telah berlaku antara SP15 dengan Perayu. • SP7 memaklumkan kepada SP15 bahawa SP7 akan datang ke rumah SP15 pada 21 Oktober 2019. • Pada 21 Oktober 2019 jam lebih kurang 6.00 petang ketika berada di rumah, SP7 dan SP8 serta beberapa orang pegawai SPRM telah hadir ke rumah SP15. • Di sana SP15 telah memainkan rakaman perbualan di antara SP15 dan Perayu yang SP15 buat melalui telefon • Pada jam 8.04 malam SP8 telah membuat rakaman perbualan antara SP15 dan Perayu • SP15 telah membuat panggilan kepada Perayu sebanyak dua kali tetapi panggilan SP15 tidak berjawab • Pada 22 Oktober 2019 jam 11.30 pagi, SP15 telah menerima panggilan telefon daripada Perayu. Perayu telah bertanyakan kepada SP15 di manakah SP15 berada. SP15 memaklumkan SP15 berada di kedai. SP15 bertanyakan bila Perayu akan berehat, Perayu menjawab jam 1.00 petang hingga 2.00 petang. SP15 memaklumkan Perayu bahawa SP15 akan menghubungi Perayu semula. • Pada jam lebih kurang 1.10 petang semasa berada di rumah, SP15 telah membuat panggilan kepada Perayu dan panggilan tersebut dijawab. • Menurut SP15, perbualan telefon di antara SP15 dan Perayu telah dirakamkan oleh SP4. • Dalam perbualan tersebut SP15 memaklumkan Perayu untuk berjumpa	

KETERANGAN SP15	KETERANGAN SOKONGAN
SP15 di kedai SP15 dan Perayu memaklumkan akan datang pada jam 5.00 petang. • Pada jam 3.00 petang, SP8 telah memberi taklimat kepada SP15. • Pada jam 4.00 petang SP15 telah menerima wang RM25,000.00 [ekshibit P8A] daripada SP4 yang diisi di dalam beg biru bertulis VIVO [ekshibit P6A]. • SP15 kemudian bergerak ke kedainya dan tiba jam 4.20 petang. • Lebih kurang jam 6.00 petang, SP15 telah menerima panggilan telefon daripada Perayu, memaklumkan Perayu sudah sampai kepada SP15 SP15 nampak kereta Perayu telah berada di hadapan kedai SP15. • SP15 kemudian meminta Perayu masuk ke dalam kedai dan tidak lama selepas itu Perayu masuk ke dalam kedai. • SP15 bertanya khabar Perayu, kemudian telah menyerahkan beg VIVO yang berisi wang RM25,000.00 kepada Perayu sambil menunjukkan isi beg VIVO tersebut. • Semasa Perayu bergerak keluar bersama beg VIVO berisi wang RM25,000.00, SP15 nampak dua pegawai SPRM telah menahan Perayu dihadapan kedai SP15.	

(v) permintaan dan penerimaan suapan oleh perayu adalah dengan niat yang jahat:

(a) mahkamah ini berpuas hati bahawa HMS telah meneliti dan menilai segala keterangan di hadapannya, dan dengan betul telah membuat dapatan bahawa perayu secara sengaja telah menyalahgunakan kuasanya dengan memeras ugut SP15;

(b) perayu adalah Majistret yang telah pun mengadili kes yang dipertuduhkan ke atas SP15. Perayu menggunakan kedudukannya sebagai Majistret untuk menakut-nakutkan SP15. Ini boleh dilihat apabila perayu telah memberikan sesalinan pertuduhan kepada SP15 pada malam 4 Julai 2019. Bukan setakat itu, keterangan menunjukkan perayu juga telah menjual nama SP1, di mana kononnya SP1 yang menginginkan wang tersebut. SP1 telah menafikan apa-apa penglibatan dengan perayu dan keterangan SP1 ini tidak dicabar;

(c) perayu sendiri yang meminta dan memperoleh wang suapan daripada SP15 dengan menyalahgunakan kedudukannya sebagai pegawai badan awam dan sebagai ejen Kerajaan Malaysia. Hujahan pihak pendakwaan bahawa perayu telah mengkhianati kedudukan yang telah diamanahkan ke atasnya adalah tepat setelah keterangan dengan jelas menunjukkan bagaimana perayu meminta dan menerima suapan sebagai dorongan untuk perayu tidak mengenakan hukuman penjara kepada SP15 dan hanya mengenakan denda kepada SP15. Dorongan dan niat perayu tidak pernah terputus, bermula daripada 5 Julai 2019 sehingga 22 Oktober 2019. Siri perbuatan dan kelakuan perayu yang dicemari dengan niat jahat ini tidak pernah terputus;

(d) sebagai seorang Majistret, perayu tahu apa yang beliau lakukan bertentangan dengan undang-undang dan tugas beliau;

(e) Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris (No 2)* [1976] CLJU 184; [1976] 1 LNS 184; [1977] 1 MLJ 15 memutuskan maksud "rasuah" sebegini:

> Corrupt means "doing an act knowing that the act done is wrong, doing so with evil feelings and evil intentions" (see *Lim Kheng Khooi v. Reg*) "purposely doing an act which the law forbids" (see *R v. Smith*). Corrupt is a question of intention. If the circumstances show what a person has done or has omitted to do was moved by an evil intention or guilty mind, then he is liable under the section.

(f) adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa niat atau pengetahuan ini adalah suatu elemen yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Niat atau pengetahuan ini boleh dilihat melalui siri kelakuan perayu, sebagaimana dititipkan dalam *Chan Pean Leon v. PP* [1956] CLJU 17; [1956] 1 LNS 17; [1956] 22 MLJ 237:

> Intention is a matter of fact which in the matter of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved by inference from the surrounding circumstances. Whether theses surrounding circumstances make out such intention is a question of fact in each individual case.

(vi) anggapan di bawah sub-s. 50(1) ASPRM terpakai:

(a) apabila HMS telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan tanpa apa-apa keraguan munasabah bahawa perayu telah meminta suapan dan memperoleh suapan seperti dalam pertuduhan, maka HMS telah membuat keputusan yang betul apabila seterusnya memutuskan untuk mengguna pakai anggapan di bawah s. 50(1) ASPRM ke atas perayu. Sejajar

dengan itu, perayu dianggap secara rasuah meminta dan menerima suapan. Dapatan ini adalah selaras dengan keputusan dalam kes *Attan Abdul Gani v. PP* [1969] CLJU 12; [1969] 1 LNS 12; [1970] 2 MLJ 143 yang memutuskan:

> Once it is proved that the gratification has been paid or received then in the words of section 14 of the Act "Such gratification shall be deemed to have been paid or given or received corruptly ..." The presumption at once arises under the section. This presumption is a presumption of law and it is obligatory on the court to raise it in every proceeding for an offence under section 3 or 4 of the Act provided it is proved that gratification had been paid, given or received. The prosecution has not establish anything more than the payment of the money (See *State of Madras v. Vaidyanatha Iyer* AIR 1958 SC 61 and *Emden v. State of Uttar Pradesh* AIR 1960 SC 548). It then becomes the duty of the accused to disprove what section 14 begins to presume against him.

Rujuk juga: *Azahar Hj Abdul Aziz v. PP* [2019] CLJU 2032; [2019] 1 LNS 2032, *Lim Wee Kwang v. PP* [2017] CLJU 1766; [2017] 1 LNS 1766;

(b) setelah meneliti dapatan HMS mengenai pembelaan perayu semasa dipanggil membela diri seperti dinyatakan dalam perenggan 65-105 alasan penghakimannya, mahkamah ini berpuas hati bahawa HMS telah membuat analisa yang betul terhadap segala keterangan perayu, termasuk analisa dan dapatan HMS mengenai kecederaan yang dialami oleh perayu semasa dalam tahanan, dan dapatan HMS mengenai kredibiliti OKT, serta pembelaan perayu adalah suatu 'afterthought'. Mahkamah ini memutuskan tiada sebab untuk mahkamah ini menganggu rumusan HMS setelah mendengar keterangan perayu bahawa pembelaan perayu adalah penafian kosong semata-mata tanpa apa-apa sokongan dan tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah;

(c) prinsip undang-undang yang nyata mengenai pemakaian anggapan di bawah s. 50 ini telah diputuskan dalam banyak kes terdahulu secara konsisten, yakni tatkala mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan suatu suapan telah diterima atau diperoleh, maka undang-undang mengandaikan bahawa suapan itu diterima atau diperoleh secara rasuah;

(d) hujahan perayu semasa membangkitkan isu adalah berkisar khususnya kepada kegagalan pihak pendakwaan membuktikan mengenai eksh. P5 iaitu transkrip rakaman suara yang dikatakan antara perayu dengan SP15 yang disediakan oleh SP5. Perayu

membangkitkan isu kegagalan pihak pendakwaan memanggil pakar suara untuk memberi keterangan di mahkamah mengenai kesahihan suara dalam P4B yang dirakam oleh SP4, isu rantaian keterangan serta kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan rakaman-rakaman suara membawa kepada keperluan HMS mengguna pakai s. 114(g) Akta Keterangan. Selain itu perayu juga menimbulkan isu mengenai nombor telefon 012-3787852 yang bukan nombor telefon perayu, iaitu 012-3787851. Perayu juga membangkitkan isu mengenai kegagalan pihak pendakwaan untuk membuktikan siapa sebenarnya yang menyediakan wang bertanda dan waktu wang bertanda itu diserahkan kepada/ diterima oleh SP15. Perayu seterusnya menyatakan pihak pendakwaan telah gagal membuktikan wang perangkap dirampas daripada milikan perayu;

(e) setelah mahkamah ini meneliti nota keterangan, mahkamah ini dapati atas arahan SP8, wang perangkap iaitu 250 keping 'note' RM100 bertanda (eksh. P8C) diserahkan oleh SP4 kepada SP15 dengan disaksikan oleh SP7 semasa taklimat perangkap yang dibuat di rumah SP15 pada jam lebih kurang 3 petang pada 22 Oktober 2019. Wang perangkap itu diletakkan dalam beg kertas berwarna biru bertulis VIVO (eksh. P6A). ID6 berisi P8C yang mempunyai nombor siri yang sama dengan yang tercatat dalam senarai wang bertanda (eksh. P7) inilah yang diserahkan oleh SP15 kepada perayu;

(f) analisa HMS mengenai perkara ini dinyatakan dalam perenggan 50-53 alasan penghakiman beliau;

(g) berdasarkan keterangan dan analisa yang dibuat oleh HMS itu, mahkamah ini merumuskan dapatan yang dibuat oleh HMS mengenai OKT memperolehi wang suapan dalam bentuk P8C yang diserahkan oleh SP15 itu adalah dapatan yang betul berdasarkan nas-nas yang dirujuk oleh HMS dalam keputusan kes *PP v. Jamil Mahmod & Anor* [1998] CLJU 312; [1998] 1 LNS 312; [1998] 4 MLJ 681, *PP v. You Kong Lai* [1984] 1 CLJ 379; [1984] 2 CLJ (Rep) 429 dan *Ramly Md Yasin & Ors v. PP* [1982] CLJ 200; [1982] CLJ (Rep) 724. Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa kombinasi keterangan SP4, SP7, SP8, SP14 dan SP15 jelas menunjukkan berlakunya penyerahan wang berjumlah RM25,000 iaitu P8C oleh SP15 kepada perayu dan penerimaan wang itu oleh perayu, dan seterusnya rampasan wang itu daripada milikan perayu pada 22 Oktober 2019;

(h) perayu berhujah bahawa segala isu yang dibangkitkan ini, apabila dinilai bersama-sama dengan keterangan perayu semasa membela diri menunjukkan perayu telah berjaya mematahkan anggapan di bawah s. 50 itu dan jelas menunjukkan HMS telah terkhilaf semasa mensabitkan perayu dengan semua pertuduhan;

(i) perenggan 61-64 GOJ menunjukkan tatacara bagaimana HMS mengguna pakai anggapan di bawah s. 50(1) ASPRM, yakni setelah HMS berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan perayu meminta dan menerima suapan, berlandaskan kepada prinsip yang diputuskan oleh Privy Council dalam kes *PP v. Yuvaraj* [1968] CLJU 116; [1968] 1 LNS 116 dan diterima pakai oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Thavanathan Balasubramaniam v. PP* [1997] 3 CLJ 150; [1997] 2 MLJ 401. Mahkamah ini memutuskan dapatan tersebut adalah betul dan selaras dengan prinsip undang-undang yang terpakai;

(j) berdasarkan segala alasan tersebut di atas, mahkamah ini memutuskan dapatan HMS bahawa perayu gagal menyangkal anggapan menurut s. 50(1) ASPRM adalah betul;

(vii) percanggahan yang tidak material:

(a) HMS telah membuat keputusan yang betul apabila bersetuju dengan pihak pendakwaan bahawa dalam mana-mana kes akan wujud percanggahan keterangan, khususnya keterangan lisan saksi-saksi. Tetapi percanggahan yang wujud di dalam kes ini bukanlah suatu percanggahan yang material. Percanggahan yang kecil wajar diabaikan, kerana ia sebenarnya menunjukkan kebenaran keterangan saksi itu sendiri;

(b) kebolehan seseorang untuk mengingati butiran sesuatu kejadian tidak sama dan perbezaan yang jujur hendaklah tidak dianggap sebagai suatu percanggahan. Inilah prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Sabarudin Non v. PP & Other Appeals* [2005] 1 CLJ 466:

> On this part of the case we would once again quote from *Sarkar on Evidence*, atp. 109:
>
> Discrepancies do not necessarily demolish testimony (*Narotam v. State*, AIR [1978] SC 1542).
>
> Discrepancies in the testimony of various witnesses on material or broad points have to be carefully weighed in arriving at the truth. But trifling discrepancies should be ignored, as they often a test of truth. Several persons giving their versions of transaction witnessed by them are naturally liable to disagree on immaterial points. Their

A

> powers of observation, expression or memory are not the same and honest difference are easily possible. It must be remembered that there are discrepancies of truth as well as falsehood. It is the broad facts of a case and not the little details that are to be considered in weighing evidence.

B (viii) tiada keraguan tentang identiti P8A:

(a) mahkamah ini memutuskan HMS telah membuat keputusan yang betul bahawa pihak pendakwaan tidak perlu untuk memangil semua saksi yang menjaga P5A dan P6A kerana SP4 telah mengecamkan wang RM25,000 melalui nombor-nombor C siri yang tercatit pada P7 (senarai wang bertanda). Wang ini juga yang dirampas daripada milikan perayu pada 22 Oktober 2019;

(b) selain itu, keterangan SP13 yang membuat perbandingan wang yang dikemukakan di mahkamah dengan P7 juga menyokong keterangan SP4;

D

(c) dapatan HMS ini selaras dengan prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Su Ah Ping v. PP* [1979] CLJU 100; [1979] 1 LNS 100; [1980] 1 MLJ 75:

> E It is unnecessary to call evidence to ensure that there is no break in the chain of evidence. If the officer who picked up the object at the scene produced it and identified it as the very object that is enough and there is no need to call every other officer who handled it, unless there is doubt as to the identity.

F (ix) pertuduhan cacat:

(a) peguam perayu membangkitkan bahawa butiran-butiran yang dinyatakan dalam semua kertas pertuduhan adalah cacat. Ini kerana sifat kesalahan tidak dinyatakan dengan betul dan mengelirukan perayu dan tidak dapat dipulihkan di bawah G s. 156 KTJ;

(b) mahkamah ini telah meneliti kesemua enam pertuduhan dan pertuduhan pilihan bagi keenam-enam pertuduhan dan berpuas hati bahawa ia mematuhi kehendak peruntukan berkenaan dalam KTJ, khususnya ss. 152 hingga 154 KTJ. Tidak ada H sebarang kecacatan atau kekeliruan dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut;

(c) perenggan 6 hujahan peguam perayu membangkitkan secara spesifik mengenai pertuduhan berkaitan kejadian pada 22 Januari 2019 yang dihujahkan sebagai cacat dan tidak berasas I kerana perayu tidak pada bila-bila masa mendapatkan sebarang wang tunai daripada SP15 di hadapan Kedai Runcit Hasyuli

Enterprise di Felda Sg Koyan, Raub. Pendakwaan juga gagal mengemukakan sebarang keterangan lisan atau dokumen mengenai kejadian itu;

(d) perihal perayu dituduh mendapatkan benda berharga berupa wang tunai RM25,000 untuk diri sendiri dengan tiada balasan daripada Hasan Basri Ahmad Sutan Modo (SP15) merupakan pertuduhan pilihan bagi pertuduhan ketiga di bawah s. 165 KK dalam kes Rayuan Jenayah CA-42(R)(A)-2-03-2022 (Mahkamah Sesyen CA-61R-20-12-2019). HMS memanggil perayu untuk membela diri dan mensabitkan perayu bagi pertuduhan utama bagi pertuduhan ketiga ini dan bukannya pertuduhan pilihan. Oleh itu, isu ini tidak berbangkit sama sekali;

(e) perenggan 30 alasan penghakiman HMS menunjukkan bagaimana HMS memutuskan tiada 'duplicity' dalam pertuduhan meminta dan memperoleh yang dipertuduhkan terhadap perayu. Dapatan HMS dalam isu ini adalah betul dan tidak perlu diganggu;

(x) kelewatan SP15 membuat aduan menunjukkan 'afterthought' dan niat jahat SP15 untuk mengenakan perayu:

(a) laporan pengadu kepada SPRM menurut aduan A 024160 (eksh. D15) adalah pada 14 Oktober 2019. Aduan ini adalah berkaitan tuduhan utama yang dihadapkan terhadap perayu yang dikatakan berlaku pada 5 Julai 2019. Perayu berhujah bahawa memandangkan:

(1) SP15 sepatutnya membuat aduan kepada SPRM pada tarikh beliau mengatakan perayu meminta wang daripadanya, iaitu 4 Julai 2019 atau 5 Julai 2019 dan bukannya lebih tiga bulan kemudian;

(2) SP15 mengatakan laporannya di eksh. D15 ini dibuat hanya selepas dihubungi oleh pegawai SPRM yang meminta SP15 membuat aduan kepada SPRM;

(3) SP15 memutuskan untuk membuat laporan seperti di eksh. D15 selepas beliau dituduh sekali lagi untuk kesalahan memiliki dan menjual rokok seludup;

menunjukkan bahawa kelewatan selama lebih tiga bulan bagi SP15 membuat aduan di eksh. D15 ini bukan sahaja merupakan suatu "afterthought" di pihak SP15, tetapi juga menunjukkan SP15 mempunyai motif memfitnah perayu dan ingin mengenakan perayu;

A (b) mahkamah ini merumuskan dapatan HMS mengenai kelewatan SP15 membuat laporan kepada SPRM, yang tidak menunjukkan SP15 bermotif jahat, malah konsisten dan merupakan salah satu kriteria yang membuatkan HMS merumuskan bahawa SP15 adalah seorang saksi yang kredibel dan keterangan SP15 boleh
B dipercayai dan diterima, adalah dapatan yang betul, tiada salah arah dan tidak perlu diganggu;

(xi) perayu adalah seorang pegawai awam:

Dalam perenggan 16 alasan penghakimannya, HMS telah menjelaskan
C dengan terperinci analisa dan dapatan yang dibuat oleh HMS mengenai keterangan-keterangan SP6, SP9, SP10, SP11 bagi membuktikan bahawa perayu adalah seorang pegawai awam, keterangan yang tidak dicabar atau dipertikaikan oleh pihak pembelaan;

(xii) rantaian keterangan mengenai rakaman perbualan telefon diantara
D pengadu SP15 dan perayu;

(a) Dalam perenggan 16 alasan penghakiman, HMS telah membuat analisa daripada dapatan berkaitan keterangan saksi-saksi yang berkaitan serta keterangan mengenai 'call logs', mengenai:

E (1) permintaan wang sebanyak RM100,000 oleh perayu pada 5 Julai 2019;

(2) wang sebanyak RM25,000 yang diperoleh perayu pada 9 Julai 2019;

F (3) wang sebanyak RM25,000 yang diperoleh perayu pada 14 Ogos 2019;

(4) wang sebanyak RM25,000 yang diperoleh perayu pada 15 Ogos 2019;

G (5) wang sebanyak RM10,000 yang diperoleh perayu pada 26 September 2019;

(6) wang sebanyak RM25,000 yang diperoleh perayu pada 22 Oktober 2019;

H (b) mahkamah ini mendapati analisa dan dapatan HMS tersebut telah dengan jelas menjawab isu yang dibangkitkan oleh perayu bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan rantaian keterangan mengenai rakaman perbualan telefon diantara pengadu, SP15 dengan perayu pada jam 1.10 petang pada 22 Oktober 2019, dan kegagalan pihak pendakwaan
I membuktikan bahawa perayu pernah membuat panggilan atau berkomunikasi dengan SP15;

(c) mahkamah ini memutuskan dapatan HMS bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan rantaian keterangan mengenai rakaman perbualan telefon antara pengadu, SP15 dengan perayu pada jam 1.10 petang pada 22 Oktober 2019, dan pihak pendakwaan berjaya membuktikan mengenai segala panggilan dan komunikasi diantara perayu dengan SP15 adalah betul dan tidak perlu diganggu oleh mahkamah ini;

(xiii) SP12 tidak boleh dipercayai:

(a) perayu menyatakan keterangan anak pengadu, SP12, tidak boleh dipercayai kerana hanya berdasarkan apa yang diberitahu oleh ayahnya, SP15. Setelah meneliti analisa dan dapatan terperinci yang dibuat oleh HMS mengenai keterangan SP12, mahkamah ini memutuskan perayu sama sekali tersasar dalam aliran hujahannya mengenai isu ini;

(b) berkenaan pertuduhan perayu meminta RM100,000 pada 5 Julai 2019, dapatan HMS mengenai keterangan SP12 adalah seperti diperincikan dalam perenggan 9A vi, vii, ix, xi, xii dan 9Bi-xi alasan penghakiman HMS;

(c) berkenaan pertuduhan perayu memperoleh suapan RM25,000 pada 9 Julai 2019, dapatan HMS mengenai keterangan SP12 adalah seperti diperincikan dalam perenggan 9Ci, vi, vii, ix, xvi dan 9Di;

(d) berkenaan pertuduhan perayu memperoleh suapan RM25,000 pada 14 Ogos 2019, dapatan HMS mengenai keterangan SP12 adalah seperti diperincikan dalam perenggan 9xii i, vi, 9Ei dan ii;

(e) berkenaan pertuduhan perayu memperoleh suapan RM25,000 pada 15 Ogos 2019, dapatan HMS mengenai keterangan SP12 adalah seperti diperincikan dalam perenggan 9 xvii Ei;

(f) berkenaan pertuduhan perayu memperoleh suapan RM10,000 pada 26 September 2019, HMS membuat dapatan bahawa keterangan di hadapannya menunjukkan tiada penglibatan SP12;

(g) begitu juga bagi pertuduhan perayu memperoleh suapan RM25,000 pada 22 Oktober 2019, keterangan menunjukkan tiada penglibatan SP12;

(h) analisa dan dapatan HMS mengenai keterangan SP12 seperti dinyatakan di atas jelas sekali menunjukkan SP12 mengetahui mengenai keterlibatan perayu dalam pertuduhan 1 hingga 4 bukan berdasarkan apa yang diberitahu oleh ayahnya, SP15, tetapi melalui pengetahuan peribadi SP12 khususnya yang

berurusan secara terus dengan perayu dalam banyak situasi seperti dinyatakan dalam perenggan-perenggan yang saya senaraikan tadi. HMS tidak terkhilaf dalam dapatannya mengenai perkara ini. Oleh itu, mahkamah ini menolak alasan rayuan perayu dalam isu ini;

(xiv) kredibiliti SP15:

(a) perayu menyangkal kredibiliti keterangan SP15 dan juga membangkitkan perihal SP15 tidak dilindungi di bawah s. 52 ASPRM kerana SP15 adalah *particeps criminis*;

(b) perenggan 9-55 alasan penghakiman HMS dikhususkan untuk menganalisa keterangan SP15. Mahkamah ini mendapati alasan-alasan yang dinyatakan oleh HMS itu bukan semata-mata menunjukkan catatan yang panjang lebar oleh HMS, tetapi ia merupakan analisa substantif HMS terhadap segala keterangan yang meliputi saksi-saksi utama dalam perbicaraan di hadapannya, iaitu dapatan fakta HMS yang bersangkutan dengan semua pertuduhan terhadap perayu yang diperoleh melalui analisa dan pertimbangan yang beliau lakukan terhadap komunikasi yang berlaku diantara SP15-perayu, SP15-SP4, SP15-SP7, SP15-SP8, SP15-SP12, serta di antara SP15 dengan saksi-saksi tersebut yang berkaitan bersama-sama perayu;

(c) selain itu, HMS juga telah meneliti keterangan SP2, SP3 dan SP14 dan merumuskan keterangan mereka turut menyokong keterangan SP15. Setelah meneliti alasan-alasan HMS mengenai perkara ini, mahkamah ini mendapati HMS membuat dapatan yang betul dalam menerima keterangan SP15, yang walaupun boleh berdiri dengan sendiri tanpa perlu keterangan sokongan, tetapi dikuatkan lagi dengan keterangan sokongan saksi-saksi yang disebutkan tadi;

(d) selain analisa terhadap keterangan SP15 bersama keterangan saksi-saksi berkenaan, dengan mengguna pakai prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Sabarudin Non v. PP & Other Appeals* [2005] 1 CLJ 466 dan Mahkamah Tinggi dalam kes *Tengku Mahmood v. PP* [1974] CLJU 176; [1974] 1 LNS 176; [1974] 1 MLJ 110, HMS juga telah meneliti dan membuat analisa dengan mendalam terhadap 'call logs' antara SP15 dengan perayu (eksh. P2 dan P3) yang merupakan keterangan sokongan terhadap keterangan SP15. Analisa yang dibuat oleh HMS mengenai 'call logs' tersebut adalah seperti di ms. 159-66 alasan penghakiman HMS (ms. 59-66 RRT 1, KM29);

(e) HMS membuat dapatan fakta bahawa P4B, iaitu rakaman perbualan diantara SP15 dengan perayu setelah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah memenuhi kehendak s. 90A Akta Keterangan 1950 dan transkripsi rakaman itu di eksh. P5 boleh digunakan sebagai keterangan sokongan;

(f) setelah meneliti alasan-alasan HMS yang disebutkan tadi, mahkamah ini memutuskan dapatan HMS bahawa SP15 adalah seorang saksi yang kredibel dan keterangannya diterima dalam pembuktian pertuduhan-pertuduhan terhadap perayu setelah membuat analisa keterangan SP15 yang diuji dengan keterangan-keterangan lain di hadapannya adalah dapatan yang betul dan tidak perlu diganggu oleh mahkamah ini;

(xv) SP15 dilindungi oleh s. 52 ASPRM:

(a) penentuan bahawa SP15 bukanlah rakan sejenayah merupakan suatu dapatan undang-undang berlandaskan fakta sedia ada. Dapatan HMS mengenai perkara ini adalah seperti terkandung di ms. 56 alasan penghakimannya;

(b) mahkamah ini bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan yang merujuk kepada kes-kes yang memutuskan mengenai isu ini, khususnya keputusan Ahmad Maarop HMT (pada waktu itu) dalam kes *PP lwn. Rahiman Selamat & Kes Yang Lain* [2015] 3 CLJ 92 yang memutuskan kaedah tafsiran s. 44(1)(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 (*pari materia* dengan s. 52 ASPRM) adalah kaedah taksiran 'literal and strict interpretation';

(c) mahkamah ini memutuskan dapatan HMS mengenai isu ini adalah betul dan tidak perlu diganggu;

(xvi) kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan CCTV yang dikatakan dipasang oleh pasukan serbuan:

(a) ini merupakan satu lagi isu yang dibangkitkan oleh perayu. Semakan terhadap nota keterangan menunjukkan dalam penyata saksi SP8 dan semasa disoal balas, SP3 menjelaskan beliau telah meminta bantuan Azrul Azim bin Aziz untuk menyediakan peralatan bantuan teknik untuk memasang CCTV bagi merakam kehadiran dan pergerakan perayu. SP8 tidak pasti siapa lagi yang terlibat dalam penyediaan CCTV selain Azrul Azim bin Aziz;

(b) mahkamah ini memutuskan ketiadaan keterangan lanjut mengenai CCTV, termasuklah rakaman CCTV itu yang tidak dikemukakan kepada mahkamah tidak sama sekali memudaratkan kes pihak pendakwaan. Jika rakaman CCTV ini dikemukakan dan ia diterima sebagai keterangan oleh

A mahkamah, ia hanyalah suatu keterangan sokongan semata-mata. Memandangkan pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan-keterangan utama dan bukan sekunder dalam membuktikan pertuduhan terhadap perayu, ketiadaan rakaman CCTV itu tidak langsung mendatangkan sebarang kesan negatif kepada kes pihak pendakwaan; dan

B

(c) mahkamah ini bersetuju dengan HMS dalam dapatannya mengenai isu ini di perenggan 101 alasan penghakimannya yang merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Mansor Md Rashid & Anor* [1997] 1 CLJ 233 bahawa rakaman CCTV hanyalah bagi maksud pengesahan identiti perayu. Pengesahan identiti perayu telah disahkan oleh saksi-saksi SP2, SP4, SP7, SP8, SP9, SP12 dan SP15, serta keterangan-keterangan dokumentar dan sekunder lain.

C

D **[12]** Berdasarkan segala dapatan mahkamah ini seperti dinyatakan, mahkamah ini memutuskan keputusan HMS memanggil perayu untuk membela diri atas keenam-enam pertuduhan utama adalah selaras dengan kehendak undang-undang. Mahkamah ini seterusnya memutuskan dapatan HMS bahawa perayu gagal menyangkal anggapan menurut s. 50(1) ASPRM semasa dipanggil membela diri juga adalah betul. Atas alasan itu, mahkamah

E ini memutuskan sabitan perayu adalah sabitan yang selamat dan tidak perlu diganggu oleh mahkamah ini.

[13] Berdasarkan segala alasan tersebut di atas, mahkamah ini menolak rayuan perayu terhadap sabitan.

F **Hukuman**

[14] Mahkamah ini telah meneliti alasan HMS di perenggan 113-123 yang membutirkan alasan-alasan HMS dalam menjatuhkan hukuman terhadap perayu selepas mensabitkan perayu dengan semua pertuduhan.

G **[15]** Mahkamah ini mendapati rujukan yang dibuat oleh HMS terhadap keputusan dalam beberapa kes terdahulu termasuk *Ganesan Nachiappan & Ors v. PP & Ors* [2000] 3 CLJ 302; [2000] 3 MLJ 244, *Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor v. PP* [2001] 4 CLJ 9; [2001] 3 MLJ 1 yang menggariskan prinsip umum yang perlu dipakai oleh mahkamah semasa menjatuhkan hukuman adalah betul.

H **[16]** Mahkamah ini seterusnya mendapati HMS telah merujuk kepada prinsip-prinsip yang betul dalam menjatuhkan hukuman bagi kes rasuah seperti diputuskan dalam kes *PP v. Dato' Waad Mansor* [2005] 1 CLJ 421, dan *Hamidon Mat Yatim v. PP* [1995] 3 CLJ 724.

I

[17] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa prinsip yang terpakai bagi mahkamah ini sebagai mahkamah rayuan dalam menimbangkan rayuan terhadap hukuman adalah seperti diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2002] 3 CLJ 457. Mahkamah ini akan hanya mengganggu keputusan mahkamah bicara mengenai hukuman seandainya mahkamah ini mendapati hukuman yang dijatuhkan adalah "manifestly excessive or illegal or not a proper sentence having regard to all facts disclosed or that the trial court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence".

[18] Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Dato' Waad Mansor* [2005] memutuskan:

> The offence of corruption, if unabated, is far more reaching in consequences than crimes of robbery, CBT or rape. Therefore the sentences imposed for offences of corruption should be detrrent in nature so as to reflect the gravity of the offences.

[19] Dengan mengguna pakai prinsip-prinsip yang dinyatakan serta setelah meneliti hujahan peguam perayu dan pihak pendakwaan serta setelah meneliti alasan-alasan HMS, mahkamah ini memutuskan bahawa semua hukuman yang dijatuhkan oleh HMS terhadap perayu adalah adil dan saksama, memadai dan tidak keterlaluan, malah sejajar dengan kehendak ASPRM.

[20] Rayuan perayu bagi hukuman adalah dengan itu ditolak. Hukuman yang dijatuhkan oleh HMS adalah dengan ini dikekalkan, iaitu:

(i) Rayuan Jenayah CA-42(R)(A)-3-03-2022:

(a) pertuduhan 1: 12 tahun penjara, denda RM500,000 jika tidak bayar 24 bulan;

(b) pertuduhan 2: lapan tahun penjara, denda RM125,000 jika tidak bayar 10 bulan; dan

(c) pertuduhan 3: sembilan tahun penjara, denda RM125,000 jika tidak bayar 10 bulan;

(ii) Rayuan Jenayah CA-42(R)(A)-2-03-2022:

(a) pertuduhan 1: 10 tahun penjara, denda RM125,000 jika tidak bayar 10 bulan;

(b) pertuduhan 2: lapan tahun penjara, denda RM50,000 jika tidak bayar lapan bulan; dan

(c) pertuduhan 3: 11 tahun penjara, denda RM125,000 jika tidak bayar lapan bulan.

A **[21]** Semua hukuman penjara adalah diperintahkan untuk bermula pada tarikh hari ini.

[22] Peguam perayu membuat permohonan penangguhan semua hukuman dan Timbalan Pendakwa Raya tiada bantahan, dengan syarat wang jaminan dinaikkan kepada RM100,000.

B

[23] Mahkamah membenarkan permohonan penggantungan semua hukuman dengan jaminan RM100,000 dan dua orang penjamin.

C

D

E

F

G

H

I